

**AKTIVITI KEUSAHAWANAN DI KALANGAN IBU
TUNGGAL DI NEGERI JOHOR**

***(ENTREPRENEURIAL ACTIVITIES AMONG SINGLE
MOTHER IN JOHOR)***

**THUAIBAH @ SUAIBAH BINTI ABU BAKAR
AZLAH BIN MD ALI
PM DR HISHAMUDDIN MD SOM
DR ROZEYTA BINTI OMAR
SYAHARIZATUL NOORIZWAN BINTI MUKTAR
ROSSILAH MOHD JAMIL**

**RESEARCH VOTE NO:
71946**

**Jabatan Pembangunan Sumber Manusia
Fakulti Pengurusan dan Pembangunan
Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia**

2004

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji aktiviti keusahawanan di kalangan ibu tunggal di negeri Johor. Aspek-aspek yang menjadi fokus kajian ialah faktor-faktor yang menggalakkan penglibatan ibu tunggal, faktor-faktor yang membantu kejayaan ibu tunggal dan faktor-faktor yang mempengaruhi kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan. Selain itu, pengkaji juga cuba mengenal pasti masalah-masalah yang sering dihadapi oleh ibu tunggal semasa memulakan dan mengendalikan perniagaan serta melihat hubungan yang wujud di antara elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi dengan kejayaan dan kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan. Soal selidik telah digunakan sebagai kaedah pengumpulan data dan diedarkan kepada 75 orang ibu tunggal yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan di negeri Johor. Seterusnya data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Packages For Social Science (SPSS) 10.0* untuk mendapatkan kekerapan, peratusan, min dan analisis korelasi Spearman *rho*. Secara umumnya penemuan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi dengan kejayaan dan kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan.

ABSTRACT

The purpose of this research is to analyze the entrepreneurial activities among single mother in Johor. The focus of this study is to identify the factors that influence single mother involvement, achievement and failure in entrepreneurship. Besides that, this research also tries to identify problems that always facing by single mother while starting and handling their business. Relationship between environment element, individual element and motivation element with single mother achievement in entrepreneurship will be identified at the end of this research. Questionnaire has been used as a method of data collection in this research and has been distributed to 75 single mothers that involve in entrepreneurship in Johor. Then the data have been analyzed by using Statistical Package For Social Science (SPSS) 10.0 to get frequency, percentage, mean and Spearman Rho Correlation Analysis. Generally, the result of this research shows that there is a significant relationship between environment element, individual element and motivation element with single mother's achievement in entrepreneurship.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	HALAMAN ABSTRAK	i
	HALAMAN ABSTRACT	ii
	KANDUNGAN	iii
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SIMBOL	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii

BAB I**PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	7
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Persoalan Kajian	12
1.5	Matlamat Kajian	13
1.6	Objektif Kajian	13
1.7	Skop Kajian	14
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.9	Batasan Kajian	15
1.10	Definisi Konseptual Dan Operasional	16
	1.10.1 Keusahawanan	16
	1.10.2 Usahawan	17
	1.10.3 Usahawan Wanita	19
	1.10.4 Ibu Tunggal	20

BAB II**KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	22
2.2	Teori Dan Konsep	23
2.2.1	Model Proses Budaya Keusahawanan	23
2.2.2	Model Pembangunan Usahawan Di Malaysia	27
2.2.3	Kriteria-kriteria Usahawan Berjaya	29
2.2.4	Faktor-faktor Kegagalan Dalam Perniagaan	30
2.3	Kajian-kajian Lepas	31
2.3.1	Kajian Lepas Dalam Negara	32
2.3.2	Kesimpulan Kajian Lepas Dalam Negara	37
2.3.3	Kajian Lepas Luar Negara	38
2.3.4	Kesimpulan Lepas Luar Negara	41

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	42
3.2	Reka bentuk Kajian	42
3.2.1	Model Kajian	44
3.2.2	Carta Aliran Kajian	45
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	46
3.3.1	Populasi & Sampel Kajian	46
3.4	Instrumen Kajian	48
3.5	Kajian Rintis	51
3.6	Kaedah Penganalisan Data	52

BAB IV ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	54
4.2	Analisis Deskriptif	54
4.2.1	Bahagian A: Maklumat Demografi Responden	55
4.2.2	Bahagian B: Maklumat Perusahaan Dan Perniagaan	62
4.2.3	Bahagian C: Penglibatan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan	75
4.2.4	Bahagian D: Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan	80

4.2.5	Bahagian E: Kegagalan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan	85
4.2.6	Bahagian F: Masalah-masalah Yang Dihadapi	107
4.2.6.1	Semasa Memulakan Perniagaan	107
4.2.6.2	Semasa Mengendalikan Perniagaan	109
4.3	Analisis Bivariate	112

BAB V KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	115
5.2	Profil Perniagaan Ibu Tunggal Di Negeri Johor	115
5.3	Persepsi Responden Terhadap Tahap Penglibatan Ibu Tunggal Dalam Bidang Keusahawanan Di Negeri Johor	117
5.4	Persepsi Responden Terhadap Tahap Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Bidang Keusahawanan Di Negeri Johor	119
5.5	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kegagalan Ibu Tunggal Dalam Bidang Keusahawanan Di Negeri Johor	120
5.6	Masalah-masalah Yang Dihadapi Oleh Ibu Tunggal Semasa Memulakan Perniagaan Dan Semasa Mengendalikan Perniagaan	121

5.7	Hubungan Antara Faktor Persekitaran, Faktor Individu, Dan Faktor Motivasi Dengan Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Bidang Keusahawanan	122
5.8	Hubungan Antara Elemen Persekitaran, Elemen Individu, Dan Elemen Motivasi Dengan Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Bidang Keusahawanan	122
5.9	Perbincangan hasil kajian	123
5.10	Rumusan	127

BAB VI CADANGAN

6.1	Pengenalan	128
6.2	Usahawan Ibu Tunggal	128
6.2.1	Menganggotai Persatuan Peniaga atau Penjaja	128
6.2.2	Meningkatkan Ilmu Pengetahuan dan Kemahiran Dalam Bidang Perniagaan	130
6.2.3	Meningkatkan Motivasi Diri	131
6.2.4	Merujuk Dan Membincangkan Masalah Dengan Pihak Yang Berkemahiran	133
6.3	Persatuan Dan Pertubuhan	134
6.3.1	Menyediakan Kemudahan Latihan Dan Bimbingan	134
6.3.2	Memantau Perkembangan Dan Kemajuan Perniagaan Anggota	135

6.3.3	Perkongsian Bijak	136
6.3.4	Mewujudkan Program Mentor-Mentee	137
6.4	Pihak Kerajaan Dan Swasta Serta Agensi-agensi Yang Terlibat	139
6.4.1	Menggiatkan Usaha Untuk Membantu Usahawan Ibu Tunggal	139
6.4.2	Pemberian Insentif	140
6.4.3	Analisis Keperluan Latihan	141
6.5	Rumusan	142
BIBLIOGRAFI		144
LAMPIRAN		153

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Faktor-faktor Kegagalan	31
3.1	Jumlah Dan Peratusan Sampel Mengikut Daerah	47
3.2	Pembahagian Soal Selidik	48
3.3	Skala Likert	51
3.4	Hasil Kajian Rintis	52
3.5	Interpretasi Mengikut Saiz Pekali Korelasi	53
4.1	Min Bagi Faktor-faktor Kegagalan	85
4.2	Masalah-Masalah Yang Dihadapi Semasa Memulakan Perniagaan	107
4.3	Masalah-masalah Yang Dihadapi Semasa Mengendalikan Perniagaan	110
4.4	Hubungan Korelasi Di Antara Elemen Persekitaran, Elemen Individu Dan Elemen Motivasi Dengan Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Perniagaan	112
4.5	Hubungan Korelasi Di Antara Elemen	113

Persekitaran, Elemen Individu Dan Elemen
Motivasi Dengan Kegagalan Ibu Tunggal
Dalam Perniagaan

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Model Proses Budaya Keusahawanan	23
2.2	Model Pembangunan Usahawan Di Malaysia	27
3.1	Model Kajian	44
3.2	Carta Aliran Kajian	45
4.1	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Umur	55
4.2	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	56
4.3	Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Latar Belakang Keluarga	57
4.4	Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Bilangan Anak	58
4.5	Sebab-sebab Menceburkan Diri Dalam Perniagaan	59
4.6	Pekerjaan Terakhir Sebelum Berniaga	60
4.7	Penyertaan Dalam latihan / Kursus Tentang	61

	Keusahawanan	
4.8	Sebab-sebab Menjadi Ibu Tunggal	62
4.9	Organisasi Perniagaan / Perusahaan	63
4.10	Jenis-jenis Perniagaan / Perusahaan	64
4.11	Tempoh Menjalankan Perniagaan	65
4.12	Umur Semasa Memulakan Perniagaan	66
4.13	Pengalaman Dalam Bidang Perniagaan / Perusahaan Yang Diceburi	67
4.14	Tempoh Pengalaman Dalam Perniagaan / Perusahaan	68
4.15	Bilangan Pekerja	69
4.16	Modal Ketika Memulakan Perniagaan	70
4.17	Sumber Modal	71
4.18	Pendapatan Bersih Sebulan	72
4.19	Pengendalian Kira-kira / Akaun	73
4.20	Perkhidmatan Nasihat / Pertolongan	74
4.21	Purata Masa Yang Digunakan Untuk Berniaga Sehari	75
4.22	Persepsi Responden Terhadap Tahap Penglibatan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan Secara Keseluruhan	76
4.23	Persepsi Responden Terhadap Penglibatan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan Dari Elemen Persekitaran	77
4.24	Persepsi Responden Terhadap Penglibatan	78

	Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan Dari Elemen Individu	
4.25	Persepsi Responden Terhadap Penglibatan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan Dari Elemen Motivasi	79
4.26	Persepsi Responden Terhadap Tahap Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan Secara Keseluruhan	80
4.27	Persepsi Responden Terhadap Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan Dari Elemen Pengetahuan	81
4.28	Persepsi Responden Terhadap Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan Dari Elemen Strategi Perniagaan	82
4.29	Persepsi Responden Terhadap Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan Dari Elemen Persekitaran	83
4.30	Persepsi Responden Terhadap Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan Dari Elemen Sikap	84
4.31	Tidak Mempunyai Keyakinan Diri Dalam Mengendalikan Perniagaan	87
4.32	Tidak Mengendalikan Perniagaan Dengan Baik	88
4.33	Tiada Kemahiran Membuat Keputusan	89

	Dengan Berkesan	
4.34	Mudah Berputus Asa	90
4.35	Kurang Pengetahuan Tentang Teknik Penjualan Dan Pemasaran	91
4.36	Gagal Menimbang Dan Menilai Peluang Perniagaan Yang Ada	92
4.37	Tiada Hubungan Baik Dengan Ahli-ahli Profesional	93
4.38	Gagal Mengguna Dan Menggabungkan Idea-idea Dengan Kemahiran Yang Ada	94
4.39	Mempunyai Kesedaran Dan Motivasi Diri Yang Rendah	95
4.40	Gagal Memahami Keperluan Pelanggan Dalam Pasaran	96
4.41	Tiada Kemahiran Mengenal Pasti, Menilai Dan Menyelesaikan Masalah	97
4.42	Tidak Mendapat Bimbingan Daripada Pihak-pihak Tertentu Tentang Perniagaan	98
4.43	Tidak Mementingkan Strategi Perniagaan	99
4.44	Gagal Merancang Dan Menetapkan Matlamat Perniagaan	100
4.45	Tidak Amanah Dan Bertanggungjawab Terhadap Diri Sendiri, Perniagaan Dan Pelanggan	101
4.46	Tidak Mengetahui Tentang Polisi-polisi Dan	102

	Peraturan Kerajaan	
4.47	Tiada Ketahanan Diri Untuk Menghadapi Cabaran Perniagaan	103
4.48	Gagal Bertindak Terhadap Cadangan Dan Kritikan Yang Diterima	104
4.49	Tiada Kesungguhan, Azam Dan Ketekunan Dalam Menjalankan Perniagaan	105
4.50	Mempunyai Persepsi Negatif Terhadap Cabaran	106

SENARAI SIMBOL

ICT		Information Communication And Technology
AIM	-	Amanah Ikhtiar Malaysia
SKIT	-	Skim Pembiayaan Khas Ibu Tunggal
MITI	-	Ministry Of International Trade And Industry
SMIDEC	-	Small And Medium Industries Development Corporation
MTDC	-	Malaysian Technology Development Corporation
RMK-8	-	Rancangan Malaysia Ke-8
IKN	-	Institut Keusahawanan Negara
RMK-7	-	Rancangan Malaysia Ke-7
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
IKS	-	Industri Kecil Dan Sederhana
BPIMB	-	Bank Pembangunan Dan Infrastruktur Malaysia Berhad
PSZ	-	Perpustakaan Sultanah Zanariah
SPSS	-	Statistical Package For Social Science

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Borang Soal Selidik	153
B	Hasil Analisis Kebolehpercayaan Bagi Item Faktor Penglibatan	167
C	Hasil Analisis Kebolehpercayaan Bagi Item Faktor Kejayaan	168
D	Hasil Analisis Kebolehpercayaan Bagi Item Faktor Kegagalan	169

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Wanita merupakan golongan istimewa yang telah diciptakan oleh Tuhan untuk mewarnai kehidupan di muka bumi ini. Sudah menjadi lumrah alam sejak azali, tempat wanita adalah di sisi lelaki dan jika disingkap kembali sejarah penciptaan manusia juga kita akan mendapati bahawa terciptanya seorang wanita adalah daripada tulang rusuk seorang lelaki yang bernama Adam. Namun tidak bermakna wanita tidak mempunyai hak yang sama seperti seorang lelaki dalam menjalani kehidupan. Sebaliknya Islam begitu mengiktiraf dan meletakkan martabat seorang wanita pada kedudukan yang begitu tinggi.

Justeru dalam melayari kehidupan di alam fana ini, golongan lelaki dan wanita saling memerlukan di antara satu sama lain. Tiba masanya setiap insan sama ada lelaki atau wanita akan menempuh alam perkahwinan yang merupakan satu ikatan murni yang menghalalkan hubungan di antara lelaki dan wanita. Namun tidak semua perkahwinan mampu bertahan lama. Liku-liku dan gelora rumah tangga begitu mencabar dan harus ditangani dengan penuh

bijaksana oleh setiap pasangan suami isteri. Walau bagaimanapun, segala ketentuan adalah di tangan Tuhan. Kita hanya merancang, Dia yang menentukan segala-galanya.

Ikatan perkahwinan yang tersimpul rapi boleh terputus di tengah jalan lantaran tiadanya persefahaman dalam melayari bahtera kehidupan berumah tangga atau pun berlakunya kematian sama ada suami atau isteri. Dalam masyarakat Malaysia, golongan wanita yang telah berpisah atau kematian suami dikenali sebagai janda, balu atau pun ibu tunggal. Namun istilah yang akan digunakan dalam kajian ini adalah ibu tunggal.

Lazimnya, banyak liku-liku dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal dalam meneruskan kehidupan mereka selepas ketiadaan suami di sisi. Apatah lagi bagi mereka yang perlu menanggung anak-anak yang masih kecil dan tidak mempunyai pekerjaan sebelum ini. Kisah ini banyak kita dengar dan sering dipaparkan oleh media cetak dan media massa tetapi sejauh manakah kesedaran masyarakat dalam menghulurkan bantuan kepada golongan istimewa ini. Sebaliknya apa yang berlaku sekarang, masyarakat sering memberikan pandangan yang sinis dengan pelbagai tanggapan negatif kepada golongan ibu tunggal (Noorzila, 1997).

Lantaran itu menurut Profesor Dr. Datin Rohaty Mohd Majzud, kebanyakan wanita yang ditinggalkan atau kematian suami dan masih mempunyai anak kecil, memilih untuk tinggal dengan keluarga mereka kerana yakin anak-anaknya akan terpelihara dengan selamat (Utusan Malaysia, 7 Ogos 2000).

Menurut Syed Al-Mashoor, Pakar Psikologi Universiti Malaysia Sarawak pula, kelainan emosi yang terdapat pada golongan ibu tunggal terutama yang baru bercerai atau diceraikan

ialah sentiasa merasa tertekan dan kehidupan harian mereka dibelenggu resah, gelisah, murung, pilu, kecewa, sugul dan fikiran terganggu (Sufean Hussin dan Che Zainon Omar, 2002). Oleh yang demikian, semua pihak termasuk kerajaan dan swasta perlu memainkan peranan yang sewajarnya dalam membela nasib golongan ini terutama mereka yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan dan kelulusan serta hidup dalam kemiskinan.

Berdasarkan laporan bancian pada tahun 2000, terdapat seramai 620, 389 ibu tunggal yang berbilang kaum di negara ini. Seramai 529, 701 daripadanya adalah balu dan 90, 688 merupakan mereka yang bercerai atau hidup bercerai (Berita Harian, 4 April 2003). Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan program pembangunan ekonomi wanita dan ibu tunggal khususnya. Sejak ditubuhkan kira-kira 19 bulan yang lalu, kementerian telah memberikan perhatian utama kepada usaha peningkatan ilmu di kalangan wanita pelbagai peringkat umur dan sektor. Ini termasuk literasi dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Kementerian juga berusaha meningkatkan pengetahuan wanita tentang undang-undang, peluang keusahawanan dan pembangunan keluarga, termasuk perkahwinan dan keibubapaan. Ilmu bukan sahaja penting untuk mendapatkan pekerjaan, tetapi juga untuk menjalani keseluruhan kehidupan dengan lebih sempurna (Ucapan YB Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga di Majlis Pelancaran Hari Wanita, 25 Ogos 2002).

Kementerian juga turut bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan dalam melaksanakan program peningkatan kemahiran wanita khususnya bidang keusahawanan agar mereka mampu berdikari dan menjadi usahawan yang berdaya saing pada masa hadapan. Ini kerana mengusahakan perniagaan sendiri boleh dianggap 'jalan selamat' bagi ibu tunggal untuk menampung kehidupan keluarga terutama bagi mereka yang tidak bekerja. Malah sudah

terbukti ramai ibu tunggal yang mencari rezeki dengan berniaga berjaya mengharungi kehidupan biarpun banyak halangan dan cabaran yang dihadapi.

Seperti yang telah dicadangkan oleh YB Daim Zainuddin, Menteri Kewangan Malaysia, sebuah Panel Sokongan Ekonomi di bawah Program Ibu Tunggal Waja telah ditubuhkan untuk memastikan ibu-ibu tunggal mendapat latihan, khidmat nasihat dan bantuan untuk menjalankan perniagaan atau pun untuk mendapatkan pekerjaan. Untuk melatih wanita mendapatkan kemahiran dalam bidang perniagaan, usaha akan dijalankan oleh Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita di peringkat negara dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan wanita (Ucapan Belanjawan 2000, 1999).

Dalam usaha memulakan sesebuah perniagaan, sumber kewangan adalah sangat penting bagi seseorang ibu tunggal. Dengan adanya sumber kewangan yang mencukupi akan membolehkan mereka merangka dan membentuk perniagaan dengan lebih kreatif dan inovatif. Namun apa yang berlaku sekarang, kebanyakan ibu tunggal sering menghadapi masalah kewangan dan mereka tidak mengetahui saluran yang betul untuk mendapatkan bantuan atau membuat pinjaman kewangan. Sebenarnya terdapat banyak badan dan institusi yang menawarkan skim pinjaman kewangan kepada usahawan termasuk ibu tunggal. Antara bantuan yang ditawarkan adalah dari segi pinjaman modal untuk memulakan perniagaan dan pinjaman untuk mengembangkan perniagaan.

Menurut Ketua Jabatan Pembangunan Usahawan Kecil dan Sederhana Bank Bumiputera Commerce Berhad Kuala Lumpur, Mohamad Kamel Kasim, Institusi Kewangan sentiasa menyediakan peluang pinjaman kepada individu yang berminat untuk menyertai bidang perniagaan. Pihak bank tidak pernah prejudis, bias dan mengamalkan diskriminasi

kepada ibu tunggal yang ingin membuat pinjaman. Apa yang paling dititikberatkan ialah potensi peminjam untuk membayar balik pinjaman dan mengusahakan projek yang berdaya maju (Berita Harian, 4 April 2002).

Dalam menyediakan pinjaman modal perniagaan kepada ibu tunggal, pihak Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) juga turut memainkan peranan penting dengan mewujudkan Skim Pembiayaan Khas Ibu Tunggal (SKIT). Menurut Penyata Kumulatif Yang Disatukan 1998 hingga Mac 2002, jumlah ibu tunggal yang membuat pinjaman dengan AIM di seluruh negara adalah seramai 1,790 orang dengan jumlah pinjaman sebanyak RM 9,519,000. Manakala jumlah peminjam di negeri Johor adalah seramai 157 orang yang melibatkan jumlah modal sebanyak RM 788,700 (Sumber : Amanah Ikhtiar Malaysia, 2002).

Golongan ibu tunggal juga boleh mendapatkan bantuan daripada agensi yang menyediakan skim bantuan khas untuk usahawan wanita. Contohnya Skim Bantuan Khas Untuk Usahawan Wanita di bawah MITI. Skim ini telah dilancarkan pada Ogos 1999 dengan peruntukan sebanyak RM 20 juta yang mana ianya diperolehi daripada **SMIDEC** sebanyak RM 10 juta dan MTDC juga sebanyak RM 10 juta. Setakat tahun 2000 sebanyak 76 kelulusan kepada usahawan wanita telah diberikan. Ia melibatkan nilai sebanyak RM 8.672 juta dengan SMIDEC meluluskan RM 2.0392 juta dan MTDC RM 6.6328 juta. Mengikut laporan yang dikeluarkan, sebahagian besar kelulusan ini merupakan usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan teknologi syarikat-syarikat melalui pembelian mesin atau alat-alat baru dan moden, meningkatkan keupayaan teknologi maklumat serta pinjaman geran atau bantuan teknikal (Sumber : Ministry Of International Trade And Industry (MITI), 2000).

Di samping modal, faktor yang paling penting dalam menjamin kejayaan sesebuah perniagaan ialah pengetahuan dan gabungan kualiti asas keusahawanan seperti ciri-ciri peribadi, kesabaran, wawasan yang tinggi dan tidak mudah berputus asa. Gabungan kualiti ini penting kerana ia akan menjadikan seseorang usahawan itu sentiasa berusaha dengan gigih untuk mendapatkan keuntungan daripada perniagaannya. Langkah ini membolehkan mereka mendapatkan modal pusingan perniagaan dan menimba sebanyak mungkin pengalaman serta kemahiran yang diperlukan dalam mengendalikan sesebuah perniagaan.

Menurut Nordin (2001), duit tidak akan mencukupi selamanya tetapi dalam era ekonomi pengetahuan (K-economy), asas utama ekonomi adalah kekuatan pengetahuan yang berasaskan maklumat dan ilmu. Seseorang usahawan itu seharusnya mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan bijak untuk menguasai perniagaan. Dalam erti kata lain, faktor kejayaan dan kemampuan usahawan bergantung kepada tahap pengetahuan yang dimilikinya.

Selari dengan ucapan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam membentangkan Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8), program latihan keusahawanan akan dipergiat bagi membolehkan usahawan bumiputera menghadapi cabaran globalisasi dan menggunakan lebih banyak kandungan pengetahuan dalam aktiviti perniagaan mereka. Program ini akan menekankan kepada penyediaan usahawan bumiputera yang lebih berdikari, berdaya saing dan mengamalkan etika perniagaan yang baik. Di samping itu juga program latihan ini akan memupuk nilai positif seperti amanah, rajin dan berdisiplin. Oleh yang demikian, Institut Keusahawanan Negara (IKN) akan ditubuhkan bagi mencapai matlamat ini (RMK-8, 2001-2005).

Usaha kerajaan yang semakin rancak untuk melahir dan memajukan usahawan khususnya kaum bumiputera di negara ini, mendorong pengkaji menjalankan kajian yang menjurus kepada bidang keusahawanan. Memandangkan golongan ibu tunggal yang menceburi dunia perniagaan juga semakin meningkat, maka pengkaji cuba mengkhususkan kajian ini terhadap aktiviti keusahawanan di kalangan ibu tunggal.

1.2 Latar Belakang Masalah

Negeri Johor telah wujud sejak zaman Kerajaan Melayu Melaka. Menurut fakta sejarah, kawasan negeri Johor tidak mempunyai apa-apa hasil muka bumi tetapi pelabuhannya sentiasa sibuk dengan para pedagang asing. Senario ini disebabkan oleh kemampuan pihak pemerintah pada ketika itu menyediakan peluang dan pasaran yang baik untuk para pedagang asing memasarkan hasil dagangan mereka. Di samping itu, mereka juga berjaya menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan dengan cekap (Andaya, 1987).

Selaras dengan peredaran zaman dan perkembangan teknologi, negeri Johor terus membangun dan berkembang dengan pesat sehingga kini. Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, sehingga tahun 2000 Negeri Johor mempunyai jumlah penduduk seramai 2, 740, 625 orang. Kadar pertumbuhan penduduk tahunan purata dari tahun 1991 hingga 2000 adalah 2.6%. Lantaran kedudukannya yang menjadi pintu masuk ke Singapura, Johor terus berkembang maju baik dari segi perniagaan mahupun perindustrian (Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, November 2001).

Hasil daripada kemajuan yang telah dicapai, peluang perniagaan dalam pelbagai bidang telah wujud bagi cendawan selepas hujan. Justeru, peranan usahawan adalah sangat penting dalam hal ini. Mereka bertanggungjawab membangunkan diri dan perniagaan mereka untuk bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Kini dunia perniagaan tidak hanya dimonopoli oleh golongan lelaki. Kaum wanita turut tidak melepaskan peluang untuk menyumbangkan bakti bagi memeriahkan lagi aktiviti keusahawanan di negeri Johor. Penglibatan mereka adalah sama ada untuk membantu meringankan beban suami atau pun untuk mendapatkan sumber kewangan bagi menyara keluarga khususnya di kalangan ibu tunggal.

Menurut satu kajian yang telah dijalankan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim tentang Permasalahan Wanita Johor, didapati bahawa ibu tunggal (sama ada kerana bercerai atau kematian suami) yang mempunyai anak-anak yang sedang bersekolah berhadapan dengan masalah kewangan (Sumber: Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, 2000). Selain itu menurut Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil pula dianggarkan 3.2 juta orang ketika ini bergantung nasib kepada lebih 700,000 isi rumah yang diketuai oleh ibu tunggal (Sumber : Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, 2002)

Oleh itu sebahagian besar daripada mereka perlu bekerja di luar rumah, manakala bagi mereka yang mempunyai kemahiran tertentu seperti jahitan dan masakan akan menggunakan kemahiran tersebut untuk menjalankan aktiviti kecil-kecilan yang pada peringkat

awalnya bermula di rumah. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meninjau aktiviti keusahawanan di kalangan ibu tunggal di negeri Johor.

1.3 Pernyataan Masalah

Ibu tunggal merupakan ketua keluarga yang terpaksa bekerja keras dan berusaha setiap hari. Penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan adalah semata-mata untuk menyara kehidupan keluarga. Namun ramai di kalangan mereka tidak mampu mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan dalam perniagaan. Selain itu, mereka juga sering menghadapi pelbagai masalah ketika ingin memulakan perniagaan dan semasa mengendalikan perniagaan.

Menurut Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Mengikut Bidang yang dikeluarkan oleh Yayasan Pembangunan Wanita pada tahun 2003, golongan wanita yang terlibat dalam bidang perniagaan dan keusahawanan sama ada di bandar atau di luar bandar sering menghadapi masalah seperti berikut :

- i) Kurang mendapat latihan dan pendedahan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan keusahawanan dan perniagaan seperti pemasaran, pembangunan produk, kawalan mutu, teknologi pengeluaran yang canggih, pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, perniagaan import eksport, cara-cara memohon lesen perniagaan, cara-cara membuat pinjaman, motivasi dan keyakinan diri. Masalah ini bukan

sahaja dihadapi oleh wanita bandar tetapi juga wanita luar bandar yang terlibat dalam perusahaan mikro, industri kecil-kecilan yang berasaskan pertanian dan industri pelancongan tani.

- ii) Peluang yang terhad untuk mendapatkan pinjaman dan kemudahan kredit dari institusi-institusi kewangan untuk memulakan perniagaan serta untuk tujuan pengembangan perniagaan.
- iii) Sebilangan besar wanita yang terlibat dalam sektor tidak formal sama ada sebagai pekerja sendiri atau pekerja terdedah kepada eksploitasi seperti upah yang rendah serta keadaan tempat kerja yang kurang memuaskan.
- iv) Kurang pengetahuan tentang peluang perniagaan serta pelbagai skim bantuan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pertanian.
- v) Usahawan wanita terutamanya yang terlibat dalam industri makanan dan kraf tangan kurang mendapat peluang perniagaan seperti pembekalan makanan ringan dan cenderamata ketika negara menganjurkan persidangan-persidangan, majlis-majlis sukan, mesyuarat-mesyuarat dan majlis-majlis lain yang melibatkan ramai peserta dari dalam atau luar negeri (Sumber : Yayasan Pembangunan Wanita, 2000).

Oleh yang demikian, Program latihan khusus dalam bidang kemahiran dan keusahawanan bagi wanita telah dilaksanakan bagi membolehkan mereka memajukan diri dan

merebut peluang yang ada di pasaran pekerjaan. Sehubungan dengan ini, kursus dalam bidang seperti perniagaan, pengurusan organisasi dan kewangan telah dilaksanakan.

Pada tahun 1998, Tabung Usahawan Wanita telah diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM 10 juta untuk meningkatkan kadar penglibatan wanita dalam perniagaan, Sejumlah 12 projek yang bernilai RM 9.5 juta telah diluluskan di bawah tabung ini. Melalui Tabung Usahawan Kecil pula, sejumlah 6,000 usahawan wanita telah mendapat pinjaman yang berjumlah RM 65 juta (Sumber : RMK-7, 1996–2000).

Walaupun pelbagai kemudahan dan bantuan telah diberikan dalam bentuk kewangan dan kemudahan peralatan namun bilangan usahawan bumiputera termasuk ibu tunggal yang gagal dalam bidang perniagaan masih tinggi (Usahawan Sukses, Julai-Ogos 2001). Keadaan ini dilihat oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berpunca daripada sikap terlalu bergantung kepada kerajaan. Menurut beliau usahawan yang berjaya dan berdaya saing di alaf baru perlu mengikis budaya subsidi dan jangan terlalu bergantung kepada kerajaan. Menurut beliau lagi, bantuan kerajaan bukanlah jaminan terhadap kejayaan seseorang usahawan sebaliknya sikap dan nilai diri merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan (Usahawan Sukses, Mei-Jun 2000).

Menurut Dollinger (1995), faktor-faktor psikologi, sosiologi dan latar belakang mempengaruhi kebolehan seseorang individu untuk menjadi seorang usahawan. Beliau turut berpendapat ciri-ciri yang terdapat pada seseorang usahawan merupakan salah satu dimensi keusahawanan yang saling berinteraksi dengan dimensi-dimensi keusahawanan yang lain bagi mempengaruhi pembentukan usahawan yang berjaya.

Lantaran itu, pengkaji berpendapat adalah wajar untuk mengkaji faktor-faktor yang mendorong penglibatan dan faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan serta kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan di samping mengenal pasti masalah yang dihadapi semasa memulakan dan mengendalikan perniagaan. Dapatan daripada soal selidik yang dibuat diharap dapat memberi gambaran sebenar terhadap fenomena yang dikaji. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti beberapa persoalan yang akan dinyatakan di dalam persoalan kajian.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan bagi kajian ini adalah seperti berikut :

1. Apakah profil perniagaan ibu tunggal di negeri Johor?
2. Apakah persepsi responden terhadap tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan di negeri Johor?
3. Apakah persepsi responden terhadap tahap kejayaan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan di negeri Johor?
4. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan di negeri Johor?
5. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal semasa memulakan perniagaan dan semasa mengendalikan perniagaan?
6. Adakah terdapat hubungan di antara elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi dengan pencapaian ibu tunggal dalam bidang keusahawanan?

1.5 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang menggalakkan penglibatan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan di Johor, Malaysia. Di samping itu, pengkaji juga dapat mengenal pasti profil perniagaan ibu tunggal di Johor, faktor-faktor kejayaan dan kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan.

1.6 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut :

- 1 Mengenal pasti profil perniagaan ibu tunggal di negeri Johor.
- 2 Melihat persepsi responden terhadap tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan di negeri Johor.
- 3 Melihat persepsi responden terhadap tahap kejayaan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan di negeri Johor.
- 4 Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan di negeri Johor.
- 5 Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal ketika memulakan perniagaan dan ketika mengendalikan perniagaan.

- 6 Melihat hubungan yang wujud antara elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi dengan pencapaian ibu tunggal dalam bidang keusahawanan.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini melibatkan seramai 75 orang ibu tunggal di negeri Johor yang melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Kajian ini memberi fokus kepada faktor-faktor yang menggalakkan penglibatan dan kejayaan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan. Selain itu, kajian ini akan mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal semasa memulakan dan mengendalikan perniagaan.

1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat dilihat melalui tiga sudut berikut :

- 1 Membantu Kementerian Pembangunan Wanita dan agensi kerajaan yang berkaitan bagi mengenal pasti cara-cara meningkatkan taraf hidup ibu tunggal di Malaysia secara amnya dan di Johor khususnya. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk membantu golongan ini meningkatkan taraf ekonomi mereka.

- 2 Membantu ibu tunggal meningkatkan tahap motivasi mereka untuk mencapai taraf ekonomi yang lebih tinggi melalui aktiviti keusahawanan. Di samping itu, profil perniagaan ibu tunggal ini boleh menjadi panduan kepada ibu tunggal lain yang belum menceburi bidang keusahawanan untuk mencari peluang perniagaan yang wujud.
- 3 Hasil kajian ini juga boleh dijadikan sebagai khazanah ilmu dan bahan rujukan umum mengenai penglibatan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan. Ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan kesedaran orang ramai terutama ibu tunggal untuk mempelajari dan mempertingkatkan ciri-ciri keusahawanan dalam diri mereka.

1.9 Batasan Kajian

Batasan kajian ini adalah seperti berikut

- 1 Kajian ini hanya tertumpu kepada golongan ibu tunggal yang melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan di negeri Johor sahaja. Oleh itu, maklumat yang diperoleh adalah terbatas kepada usahawan ibu tunggal sahaja dan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua usahawan di negeri Johor.
- 2 Kajian ini hanya dijalankan di kalangan usahawan ibu tunggal di negeri Johor sahaja. Jadi, hasil kajian tidak mungkin dapat menggambarkan aktiviti dan masalah yang dihadapi oleh usahawan ibu tunggal di negeri-negeri lain.

- 3 Kajian ini hanya tertumpu kepada profil perniagaan, tahap penglibatan, tahap kejayaan, faktor-faktor kegagalan, masalah-masalah yang dihadapi serta hubungan yang wujud di antara elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi dengan kejayaan dan kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan.

1.10 Definisi Konseptual dan Operasional

1.10.1 Keusahawanan

Morrison (2000), menyatakan bahawa keusahawanan berpunca daripada gerak hati dan dalam diri seseorang itu sendiri, masyarakat serta budaya. Ia merupakan sesuatu yang lebih penting berbanding fungsi mudah ekonomi serta mewakili satu gabungan material dan bukan material, pragmatisme dan idealisme. Asas keusahawanan merujuk kepada pengaplikasian proses inovasi serta penerimaan terhadap suatu fungsi menanggung risiko, berorientasikan perubahan terhadap kedua-dua aspek sosial dan ekonomi. Ringkasnya, hasil daripada inovasi tersebut akan memberikan kesan yang positif.

Barjoyai Bardai (2000) pula menyatakan bahawa keusahawanan merujuk kepada sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu dan cekap

untuk mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi dan usaha perniagaan bagi mendapatkan keuntungan.

Menurut Ab. Aziz (2000) pula, keusahawanan merupakan aktiviti yang unik yang dijalankan secara bersendirian atau berkumpulan sebagai satu kerjaya atau mempunyai matlamat lain yang tersendiri. Bagi menjayakan matlamat ini, usahawan perlu menggabungkan aset ketara (*tangible*) seperti modal, kemudahan fizikal, teknologi maklumat dengan aset tidak ketara (*intangible*) iaitu jaringan dengan pelanggan, pembekal, peminjam, pengedar, pekerja, pemasar, pesaing dan pihak-pihak lain yang ada kaitan dengan perniagaan yang dijalankan.

Left (dalam Siropolis, 1982) mendefinisikan keusahawanan sebagai ruang untuk inovasi, pelaburan dan pengembangan pasaran, pengeluaran produk dan teknik baru. Aspek keusahawanan melibatkan tugas-tugas seorang usahawan iaitu menanggung risiko dan membuat pelaburan terhadap sumber-sumber untuk mengeluarkan sesuatu yang baru atau pun membentuk pasaran dan cara baru terhadap sesuatu yang telah ada.

1.10.2 Usahawan

Usahawan merupakan satu kumpulan individu yang mampu mempamerkan tahap keyakinan yang tinggi dalam membuat keputusan (Teal dan Carrol, 1999). Menurut Kuehl dan Lambing (2000), perkataan *Entrepreneur* berasal daripada bahasa Perancis yang bermaksud

'perantara' dan 'pengambil'. Usahawan dilihat sebagai perantara bagi pembekal dan pelanggan di samping menjadi pegambil risiko untuk berjaya dalam perusahaannya.

Menurut Zimmerer dan Sacrborough (1998), usahawan merupakan individu yang mewujudkan perniagaan baru, berhadapan dengan risiko dan ketidakpastian untuk mendapat keuntungan dan pertumbuhan melalui peluang dan sumber-sumber di sekelilingnya. Usahawan sering dikaitkan sebagai pengasas. Ini kerana menurut Manimala (1999), usahawan merujuk kepada satu proses apabila manusia, wang, pasaran, kelengkapan pengeluaran dan pengetahuan digabungkan bersama untuk mencipta perusahaan yang tidak pernah wujud sebelum ini. Selain itu, usahawan juga didefinisikan sebagai seorang individu yang mempunyai satu keperluan atau keupayaan untuk membina dan mencipta sesuatu yang baru (Corman dan Lussier, (2001).

Moha Asri (1999), mendefinisikan usahawan sebagai golongan yang bekerja kuat, mempunyai idea-idea baru, mempunyai daya cipta dan kreativiti yang tinggi, sanggup menghadapi risiko kehilangan harta benda dan berusaha meningkatkan operasi perniagaan mereka. Definisi di atas adalah hampir sama dengan apa yang telah dinyatakan oleh Zaidatol dan Habibah (1997). Menurut mereka usahawan merupakan seorang yang memulakan, memiliki dan mengurus perniagaannya sendiri serta sanggup menanggung risiko perniagaan. Selain itu, usahawan juga dikenali sebagai seorang yang inginkan kebebasan dalam perniagaan, membuat keputusan sendiri dan seterusnya ingin berjaya atas usaha sendiri.

Khairuddin (1996) mendefinisikan usahawan sebagai usahawan sebagai seorang individu yang merancang, menerajui dan mengurus sebuah perniagaan atau perusahaan.

Beliau juga menyatakan usahawan merupakan seorang individu yang berorientasikan tindakan, bersifat kreatif, inovatif, bercita-cita tinggi dan mempunyai wawasan.

Dalam konteks kajian ini, usahawan adalah merujuk kepada ibu tunggal yang melibatkan diri dalam apa jua bidang perniagaan dan menggunakan kreativiti mereka dalam menjayakan perniagaan tersebut. Untuk menjadi usahawan, seseorang itu haruslah memiliki beberapa ciri-ciri tertentu yang dapat mendorong mereka untuk menerokai bidang keusahawanan seperti mempunyai daya usaha untuk menceburi dunia perniagaan dan sanggup mengambil risiko. Usahawan dalam kajian ini juga harus mempunyai ciri-ciri seorang usahawan seperti nilai, personaliti dan motivasi pencapaian yang menggambarkan diri mereka sebagai seorang pengusaha.

1.10.3 Usahawan Wanita

Menurut McKay (2001), usahawan wanita adalah wanita yang mempunyai motivasi untuk membangunkan perniagaan sendiri. Usahawan wanita merupakan golongan wanita yang memiliki perniagaan yang bersaiz kecil, sederhana dan besar. Perniagaan bersaiz kecil merujuk kepada perniagaan yang menghasilkan kutipan jualan kurang daripada \$50, 000 setahun dan dimiliki secara bebas. Perniagaan bersaiz sederhana merupakan perniagaan yang menghasilkan kutipan jualan kurang daripada \$2 juta setahun dan dimiliki secara bebas oleh wanita. Perniagaan bersaiz besar pula adalah perniagaan yang menghasilkan pulangan

jualan melebihi \$5 juta setahun dan dimiliki oleh wanita secara bebas (Grondin dan Grondin, 1994).

1.10.4 Ibu Tunggal

Menurut Profesor Dr. Datin Rohaty Mohd Majzud dan Muhammad Rais (1999), seseorang wanita itu ditafsirkan sebagai ibu tunggal apabila kematian suami dan terpaksa meneruskan tugas membesarkan anak-anak atau seorang wanita yang telah bercerai dengan suaminya serta telah diberikan hak penjagaan ke atas anak-anaknya atau pun seorang wanita yang digantung tidak bertali kerana tidak diberi nafkah oleh suaminya atau pun seorang wanita yang dalam proses perceraian (yang mungkin akan mengambil masa yang panjang) dan anak-anaknya masih berada di bawah jagaannya pada waktu ini.

Selain itu beliau juga menyatakan ibu tunggal sebagai seorang ibu yang mana suaminya tinggal berasingan dan tidak boleh memainkan peranan aktif sebagai bapa dalam keluarga atau suaminya uzur dan tidak boleh membantu membesarkan akan-anaknya serta memerlukan penjagaan rapi atau pun seorang ibu yang diberi tugas membesarkan anak orang lain tanpa pertolongan suami.

Menurut Kamar Ainiyah (1995), ibu tunggal merupakan janda, balu atau isteri yang menghadapi tanggungjawab sebagai penyara utama anak dan ibu kepada anak yang tidak sah

taraf. Gelaran ibu tunggal biasanya dimengertikan sebagai seorang ibu yang mempunyai anak-anak yang sudah tidak berbapa atau dengan maksud sama ada kematian suami, diceraikan atau ditinggalkan oleh suami (Asmungi, 1995).

Wan Halim (1995) telah mendefinisikan ibu tunggal sebagai seorang ibu yang menanggung dan membesarkan anak-anaknya tanpa penglibatan aktif daripada suami. Ibu tunggal juga termasuk siapa sahaja yang diberikan peranan sebagai ibu, menjaga dan membesarkan bukan anak kandungnya sendiri seperti seorang yang memperoleh anak angkat atau seorang kakak yang membesarkan adik-adiknya tanpa kehadiran dan pertolongan daripada ibu bapanya.

BAB II


KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan mengemukakan teori-teori dan menyorot kembali kajian lepas yang berkaitan dengan aspek kajian. Di dalam bab ini, pengkaji telah menggunakan pelbagai bahan rujukan sebagai panduan seperti jurnal, buku, keratan akhbar, majalah, tesis, bahan media massa dan bahan bercetak lain. Bahan-bahan tersebut digunakan untuk membantu pengkaji memahami dan mendalami kajian yang dijalankan.

2.2 Teori dan Konsep

2.2.1 Model Proses Budaya Keusahawanan



Rajah 2.1 : Model Proses Budaya Keusahawanan
Sumber : (Lounsbury dan Glynn, 2001 : 547)

Rajah 2.1 menyediakan satu model proses tentang budaya keusahawanan yang menerangkan hubungan sebab akibat. Dalam model ini, kita memberi fokus kepada bagaimana usahawan perlu menghebahkan tentang modal utama yang mereka miliki dalam usaha mengenal pasti cabaran baru mereka. Pada masa yang sama, strategi ini mampu menghasilkan atau menjamin perolehan modal baru dan akhirnya menghasilkan kekayaan. Penghasilan kekayaan boleh dicapai dengan mengesan atau mengenal pasti pertumbuhan kerja-kerja baru yang mencabar, prestasi dalam mengendalikan kerja-kerja keusahawanan yang sukar seperti agregat pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang digalakkan melalui keusahawanan. Kewujudan dan pertumbuhan cabaran baru yang boleh dikenal pasti melalui kadar peningkatan jualan atau keuntungan merupakan penunjuk biasa mengenai keupayaan mencipta kekayaan dalam menghadapi cabaran keusahawanan. Kaedah perakaunan yang standard boleh digunakan untuk mengukur aspek-aspek seperti pulangan ke atas aset atau pulangan ke atas ekuiti. Ia juga boleh digunakan untuk mengukur prestasi kerja yang sukar dan cabaran dalam pertumbuhan produk domestik yang melibatkan keseluruhan pertumbuhan ekonomi.

Memandangkan rajah ini adalah suatu yang linear secara terarah, diakui bahawa budaya keusahawanan merupakan sesuatu yang dinamik, melampaui had masa yang biasa, mendapatkan modal dan mencipta aliran semula kekayaan untuk memberi kesan kepada modal utama usahawan. Pendekatan ini menekankan suatu penelitian tentang kedua-dua firma dan persekitaran institusi yang lebih luas. Dengan menggabungkan pendapat-pendapat berasaskan sumber firma dan teori institusi, Oliver berpendapat bahawa untuk menghadapi kelebihan bersaing bergantung kepada kedua-dua sumber utama atau kemampuan dan keupayaan meningkatkan nilai aset spesifik firma, institusi utama, pengaruh industri yang lebih luas yang boleh meningkatkan atau menghalang penggunaan sumber utama secara optimum.

Secara lebih terperinci, sumber utama merujuk kepada kemampuan dan keupayaan meningkatkan nilai aset-aset spesifik firma (unik dan tersendiri, serta aset-aset yang boleh dilihat dan tidak boleh dilihat) yang membentuk keuntungan organisasi. Sumber utama dilihat sebagai suatu kategori yang luas merangkumi pelbagai jenis modal yang lebih spesifik seperti modal dari segi teknologi, kewangan, sumber manusia, keintelektualan dan modal dari segi sosial yang merupakan aspek utama dalam menentukan kejayaan kedua-dua usahawan dan organisasi.

Mengikut model ini, sumber peringkat institusi mengandungi 3 elemen iaitu peringkat industri yang merujuk kepada perihal atau keadaan sebenar industri, norma-norma dan peraturan industri serta infrastruktur industri. Keadaan sebenar industri dilihat berdasarkan penerimaan masyarakat terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh sesuatu industri dari segi kesesuaian dan keselesaan. Norma-norma dan peraturan industri pula menjelaskan bahawa sesuatu jenis tingkah laku ekonomi itu mesti sesuai dan boleh diterima oleh masyarakat.


Secara kesimpulannya, pengkaji berpendapat bahawa penerapan budaya keusahawanan adalah penting dalam usaha mencapai kejayaan yang cemerlang dalam perniagaan. Justeru ibu-ibu tunggal yang terlibat dalam bidang keusahawanan sepatutnya cuba menerapkan budaya ini bukan sahaja di dalam dirinya sendiri tetapi juga di dalam organisasi secara keseluruhannya.

Selain itu, mereka juga perlu bijak mengenal pasti peluang-peluang perniagaan yang wujud di dalam industri yang mereka ceburi khususnya. Mereka perlu bijak merebut peluang tersebut dan pada masa yang sama menggunakan sepenuhnya kekuatan dan kelebihan yang

mereka miliki untuk menghadapi persaingan dan cabaran yang wujud. Oleh yang demikian, seseorang usahawan ibu tunggal itu perlulah mengenal pasti kekuatan dan kemahiran yang mereka miliki dan cuba memperbaiki kelemahan yang wujud dalam diri dan perniagaan mereka. Untuk memastikan mereka berjaya dalam merebut peluang perniagaan yang sedia ada, mereka perlu bijak menonjolkan kekuatan dan kelebihan yang mereka miliki. Ini penting kerana ia akan mempengaruhi keyakinan pihak-pihak tertentu terhadap diri usahawan itu sendiri dan perniagaan yang mereka jalankan.

Selain itu, sebagai seorang usahawan mereka perlu mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat. Mereka perlu memastikan setiap produk dan perkhidmatan yang dikeluarkan sentiasa memenuhi kehendak pasaran dan dapat diterima oleh masyarakat. Ini akan menjamin kelangsungan dan kejayaan mereka dalam bidang keusahawanan.

2.2.2 Model Pembangunan Usahawan Di Malaysia



Petunjuk :

Usaha kerajaan ⇒

Tindak balas usahawan ⇨

Rajah 2.2 : Model Pembangunan Usahawan Di Malaysia

Sumber : (Noor Aishah, 2002)

Rajah 2.2 merupakan satu model tentang pembangunan usahawan di Malaysia. Model tersebut telah diubah suai daripada model yang dicadangkan oleh Humam Haji Mohamed (1995). Menurut model tersebut individu yang bakal menjadi usahawan dipengaruhi oleh faktor latar belakang dan budaya. Secara kebiasaannya mereka akan diberikan pendidikan dan latihan sama ada secara formal atau tidak formal dalam usaha menguasai kemahiran berniaga. Namun disebabkan budaya perniagaan yang rendah, kerajaan terpaksa memberi pelbagai sokongan dan bantuan kepada bakal-bakal usahawan ini bagi membangun dan mengembangkan potensi mereka.

Menurut model ini, pihak kerajaan bukan sahaja bertindak sebagai sebuah agensi yang memberikan pelbagai perkhidmatan atau bantuan kepada usahawan, malah ia merupakan sebuah tempat perlindungan yang selamat kepada golongan usahawan. Justeru pihak kerajaan akan sedaya upaya melindungi usahawan-usahawan bumiputera daripada persaingan bebas yang boleh mengancam perkembangan perniagaan mereka. Selain itu, kerajaan juga bertindak seperti sebuah tempat mengeram bagi memberi peluang kepada usahawan bumiputera menguatkan struktur perniagaan mereka yang masih mentah dan kurang berfungsi.

Lantaran itu, golongan usahawan perlulah mengambil semua peluang yang telah disediakan dan menggunakannya dengan bijak agar apa yang telah dirancang oleh pihak kerajaan berjaya mencapai matlamatnya. Ini kerana usaha pihak kerajaan dalam membantu usahawan bumiputera merupakan satu usaha yang berterusan dan ianya melibatkan peruntukan kewangan yang besar. Buktinya, dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000), dasar penswastaan akan terus digunakan sebagai satu cara bagi meningkatkan penyertaan usahawan bumiputera dalam sektor korporat. Melalui formula ini, usahawan

bumiputera yang berkeupayaan akan diberi peluang untuk memperoleh majoriti saham atau 100% pemilikan dan penguasaan dalam entiti yang diswastakan.

2.2.3 Kriteria-kriteria Usahawan Berjaya

Zimmerer dan Sacrborough (1998) menyatakan bahawa usahawan yang berjaya perlu memiliki kriteria seperti berikut:

I. Inisiatif

Melakukan sesuatu perkara sebelum disuruh atau dipaksa oleh keadaan.

II. Keterampilan

Menghadapi masalah dengan orang secara langsung dan memberitahu orang lain apa yang perlu dilakukan.

III. Melihat dan bertindak terhadap peluang yang wujud

Mengambil peluang yang wujud untuk memulakan perniagaan, mendapatkan sumber kewangan atau bantuan.

IV. Berorientasikan kecekapan

Mencari cara atau kaedah untuk melakukan sesuatu perkara dengan pantas atau dengan kos yang minimum.

V. Prihatin terhadap hasil kerja yang berkualiti

Menetapkan suatu standard untuk menghasilkan atau menjual produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

VI. Perancangan yang sistematik

Memecahkan tugas besar kepada bahagian-bahagian yang kecil, membuat jangkaan terhadap halangan-halangan yang mungkin wujud dan menilai alternatif-alternatif yang ada.

VII. Pengawalan

Membentuk atau menetapkan prosedur tertentu untuk memastikan setiap pekerjaan disiapkan mengikut standard kualiti yang dikehendaki.

VIII. Komited terhadap kerja

Sanggup melakukan pengorbanan peribadi atau melipat gandakan usaha dalam menyiapkan sesuatu pekerjaan. Selain itu, usahawan yang berjaya juga perlu melibatkan diri secara langsung dengan pekerja atau melakukan sesuatu kerja bersama-sama.

IX. Mempunyai hubungan perniagaan yang baik

Membina hubungan intim atau hubungan persahabatan dengan para pelanggan. Melihat hubungan peribadi sebagai sumber perniagaan dan meletakkan hubungan baik jangka panjang sebagai batu loncatan untuk mendapatkan hasil jangka pendek

2.2.4 Faktor-faktor Kegagalan Dalam Perniagaan

Menurut Rohaizat (2000), berdasarkan satu kajian oleh Lussuer terhadap seratus orang usahawan Amerika Syarikat yang telah gagal dalam perniagaan mereka. Hasil kajian mendapati faktor-faktor kegagalan adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 2.1 : Faktor-faktor Kegagalan

Alasan Kenapa Gagal	
Keutamaan Alasan Yang Diberi	Peratus (%) Yang Menjawab
Kurang modal dan kos tetap yang tinggi	32
Aktiviti ekonomi yang perlahan / kemelesetan	30
Masalah dengan peminjam	23
Kadar aliran tunai yang perlahan	8
Masalah cukai	8
Kehilangan pelanggan utama	6
Pengurusan yang tidak cekap	5
Masalah dengan rakan kongsi	3
Terlebih belanja	3
Kecurian	3

Berdasarkan jadual 2.1, jelas menunjukkan bahawa faktor kekurangan modal, kos tetap yang tinggi dan kemelesetan ekonomi merupakan antara faktor utama yang menyebabkan kegagalan usahawan dalam perniagaan mereka.

2.3 Kajian-kajian Lepas

Bahagian ini akan menerangkan tentang kajian-kajian lepas berkaitan aktiviti keusahawanan dari segi faktor-faktor penglibatan, faktor-faktor kejayaan dan kegagalan serta masalah yang dihadapi oleh usahawan dalam mengendalikan perniagaan. Kajian ini terdiri daripada kajian yang dilakukan di dalam dan luar negara. Dengan ini ia dapat memberi panduan kepada pengkaji tentang teknik dan kaedah menganalisis data yang bersesuaian.

2.3.1 Kajian Lepas Dalam Negara

Raziana (1999) telah membuat kajian terhadap peranan MARA dalam membantu usahawan industri kecil Bumiputera di kawasan Johor Bahru melalui Skim Pembiayaan Am. Kajian ini juga dilakukan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pihak MARA dalam melaksanakan Skim Pembiayaan Am, mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh usahawan industri kecil dan mencadangkan cara-cara untuk mengatasinya.

Hasil kajian mendapati bahawa usahawan bumiputera menghadapi beberapa masalah terutamanya dalam pengurusan perniagaan. Terdapat juga usahawan yang menghadapi masalah dalam pengurusan kewangan dan seterusnya memberi kesan dalam pembayaran semula pinjaman kepada pihak MARA.

Hamidin (1999) menjalankan kajian tentang faktor-faktor kejayaan pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) bumiputera dalam pemprosesan makanan di negeri Johor. Kajian ini memfokuskan tentang sejauh mana kecekapan pengusaha-pengusaha IKS bumiputera yang berjaya dalam menguruskan perniagaan mereka khususnya dalam pemprosesan makanan di negeri Johor. Seramai 25 orang pengusaha IKS bumiputera yang berjaya telah dijadikan sampel kajian. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti pengusaha tersebut mempunyai tahap kecekapan yang tinggi dalam menguruskan organisasi perniagaan mereka. Pengusaha dapat menjalankan fungsi pengurusan, perancangan, pengorganisasian, pengawalan dan kepimpinan yang cekap. Dengan kecekapan yang ada, mereka telah dapat menguruskan perniagaan dengan teratur dan berjaya.

Seterusnya Ermi et. al. (2001) menjalankan kajian yang bertajuk keberkesanan program bantuan pinjaman yang disediakan oleh BPIMB (Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad) dalam mengatasi masalah pengurusan modal kerja di kalangan pengusaha IKS bumiputera yang beroperasi di sekitar Johor Bahru. Kajian ini mengenal pasti bantuan yang diterima oleh pengusaha IKS dan perbandingan bentuk pengurusan modal kerja.

Hasil kajian mendapati bahawa hubungan di antara kedua-dua pemboleh ubah iaitu pengurusan modal kerja dan penyertaan pengusaha IKS dalam program bantuan pinjaman yang disediakan oleh BPIMB adalah positif dan signifikan pada aras yang sederhana. Hubungan ini di analisis berdasarkan tiga elemen iaitu bantuan kredit, latihan dan nasihat serta panduan dan maklumat. Bantuan kredit, panduan dan maklumat menunjukkan hubungan yang positif dan sederhana dalam mengatasi masalah pengurusan modal kerja.

Hasan (1997) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk satu tinjauan terhadap kualiti asas keusahawanan di kalangan peniaga pasar malam di bandar Pontian. Dalam kajian ini, kualiti asas keusahawanan dilihat dari aspek ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sejauh mana ianya diamalkan oleh golongan usahawan semasa mereka menjalankan perniagaan. Seramai 121 orang peniaga pasar malam yang berdaftar dengan Majlis Daerah Pontian telah dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini mendapati peniaga pasar malam di bandar Pontian mempunyai kualiti asas keusahawanan sepenuhnya dalam aspek ciri-ciri keusahawanan.

Selain itu, didapati juga bahawa para peniaga pasar malam di bandar Pontian mempunyai pengetahuan keusahawanan pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian merumuskan bahawa tahap kualiti asas keusahawanan yang ada pada peniaga dipengaruhi

oleh latar belakang peniaga dan jenis perniagaan itu sendiri. Peniaga harus sedar bahawa kualiti asas keusahawanan sangat penting dalam mengendalikan perniagaan kerana ia merupakan kriteria utama untuk memastikan peniaga berada di landasan yang positif dan membantu mereka mencapai kejayaan. Oleh yang demikian, para peniaga harus meningkatkan kualiti asas keusahawanan dalam diri sama ada secara formal atau tidak formal.

Satu kajian yang bertajuk kemampuan usahawan wanita bumiputera berniaga di bandar Alor Setar telah dijalankan oleh Siti Norbayah (1997). Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengetahuan yang dimiliki, teknik tarikan pelanggan, pendorong untuk berjaya, modal dan barangan yang digunakan serta sikap usahawan. Seramai 60 orang usahawan wanita telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Hasil kajian menunjukkan pengetahuan usahawan wanita di bandar Alor Setar masih di peringkat sederhana. Manakala ciri-ciri lain untuk maju dalam perniagaan berada pada peringkat yang tinggi.

Abdul Nasir (1999) telah menjalankan kajian yang bertajuk faktor-faktor kemampuan usahawan kecil bumiputera dalam mengembangkan perniagaannya di pekan Pagoh. Kajian ini cuba melihat faktor kemampuan mengurus kakitangan, faktor kemampuan mendapatkan modal tambahan dan faktor kemampuan mendapatkan bentuk bimbingan yang diperlukan di kalangan usahawan kecil bumiputera dalam mengembangkan perniagaannya.

Seramai 50 orang usahawan kecil bumiputera di sekitar Pagoh terlibat dalam kajian ini. Di akhir kajian, pengkaji telah mendapati bahawa responden berkemampuan mengurus kakitangan tetapi tidak mendapat bantuan kewangan dan memerlukan bantuan untuk mendapatkan bimbingan dalam mengembangkan perniagaannya. Pengkaji juga

mencadangkan agar pihak kerajaan dapat memberi bimbingan kepada usahawan mengikut masalah yang wujud di tempat perniagaannya agar penyelesaian dapat dibuat dengan tepat.

Tee Kee Pei (2000) telah membuat satu kajian yang bertajuk kajian penerokaan terhadap faktor yang mendorong wanita menceburi dalam bidang keusahawanan. Hasil kajian mendapati bahawa usahawan wanita mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi, terdapat hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dan faktor motivasi dengan motivasi pencapaian usahawan wanita yang terlibat dalam bidang keusahawanan. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan antara faktor diri dan faktor luaran dengan motivasi pencapaian.

Norsidah (1999) menjalankan kajian yang bertajuk faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan usahawan-usahawan wanita melayu di Lembah Kelang. Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan usahawan wanita Melayu di Lembah Klang. Objektif kajian adalah untuk mengkaji hubungan di antara faktor-faktor latar belakang usahawan wanita Melayu, latar belakang perniagaan mereka dan sifat-sifat peribadi yang dimiliki dengan prestasi perniagaan mereka. Seramai 91 orang usahawan wanita Melayu telah dikenal pasti sebagai responden kajian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan terdiri daripada :

- a) Latar belakang usahawan wanita Melayu yang meliputi taraf pendidikan ibu bapa, status perkahwinan, sokongan daripada suami, tanggapan masyarakat, perkaitan di antara pekerjaan lepas dengan aktiviti perniagaan sekarang, pengalaman dan kemahiran serta pendidikan dan latihan.

- b) Latar belakang usahawan wanita Melayu yang terdiri daripada pengalaman berniaga sambilan, perkaitan di antara aktiviti perniagaan sambilan dengan aktiviti perniagaan sekarang, bilangan aktiviti perniagaan sekarang, bilangan sumber pembiayaan dan kewangan.
- c) Sifat-sifat peribadi terdiri daripada pengambilan risiko, imej diri yang positif dan kawalan dalaman diri.

Salmah (2003) telah menjalankan kajian yang bertajuk kemampuan usahawan bumiputera mengembangkan perniagaan di bandar Seremban, Negeri Sembilan. Objektif kajian adalah untuk mengkaji faktor ilmu pengetahuan, sikap, etika perniagaan, persaingan dan modal dalam mempengaruhi usahawan bumiputera untuk mengembangkan perniagaan dalam kawasan bandar.

Hasil kajian mendapati faktor sikap dan etika perniagaan berada di tahap yang tinggi dalam mempengaruhi usahawan bumiputera mengembangkan perniagaan diikuti dengan faktor ilmu pengetahuan, persaingan dan modal. Walau bagaimanapun sikap merupakan faktor yang paling mempengaruhi dengan min 4.057.

Kajian seterusnya telah dijalankan oleh Nurulwahida (2000) yang bertajuk faktor-faktor yang membantu usahawan di Pekan Rabu menghadapi persaingan dalam perniagaan. Objektif kajian adalah untuk melihat adakah personaliti, pengurusan dalam perniagaan dan maklumat dari media massa merupakan faktor yang membantu usahawan di Pekan Rabu menghadapi persaingan dalam dunia perniagaan.

Hasil kajian mendapati personaliti adalah aspek yang banyak membantu usahawan untuk menghadapi persaingan diikuti dengan pengalaman pengurusan perniagaan dan penggunaan maklumat yang baik. Koperasi Pekan Rabu Bhd juga boleh memainkan peranan untuk menyebarkan maklumat secara berkesan di kalangan usahawan di Pekan Rabu.

Zuraini (2000) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk faktor-faktor yang mempengaruhi kemampuan usahawan bumiputera di kawasan Sungai Petani, Kedah dalam memajukan perniagaan mereka. Objektif kajian adalah untuk mengkaji faktor pengetahuan yang dimiliki, sikap usahawan itu sendiri, motivasi diri usahawan untuk berjaya, modal dan barangan yang digunakan serta etika perniagaan yang diamalkan.

Hasil kajian mendapati kesemua faktor yang dikaji mempengaruhi kemampuan usahawan bumiputera untuk maju. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa program latihan serta kursus yang dijalankan mesti menitikberatkan keupayaan dan kesanggupan para usahawan untuk menghadirinya. Oleh yang demikian dicadangkan agar pihak-pihak yang berkenaan lebih peka dengan perkembangan dan permasalahan di kalangan usahawan bumiputera

2.3.2 Kesimpulan Kajian Lepas Dalam Negara

Berdasarkan kajian-kajian lepas dalam negara didapati bahawa kebanyakan kajian yang dijalankan adalah melibatkan golongan usahawan bumiputera secara umum. Secara keseluruhannya, kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa kualiti-kualiti asas,

kecekapan, kemahiran dalam mengendalikan perniagaan dan masalah yang timbul serta bantuan dari pihak yang terlibat amat penting dalam menjamin kejayaan golongan usahawan.

Selain itu, pengkaji juga mencadangkan agar pihak yang berkenaan seperti pihak kerajaan, MARA atau bank menyediakan bantuan yang sewajarnya kepada golongan usahawan. Bantuan tersebut bukan hanya dalam bentuk kewangan tetapi yang paling penting adalah bantuan dari segi khidmat bimbingan dan nasihat.

2.3.3 Kajian Lepas Luar Negara

Orhan dan Scott (2001) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk *Why Women Enter Into Entrepreneurship: An Explanatory Model*. Kajian ini telah menghasilkan suatu model tentang faktor-faktor yang mendorong golongan wanita untuk memulakan perniagaan mereka sendiri. Seramai 25 orang usahawan wanita Perancis terlibat sebagai responden. Hasil kajian telah mengenal pasti beberapa faktor yang mendorong penglibatan golongan wanita dalam aktiviti keusahawanan. Di antara faktor-faktor tersebut ialah warisan keluarga, tidak mempunyai pilihan kerjaya yang lain, memperoleh peluang perniagaan, minat semula jadi, tertarik dengan budaya keusahawanan serta menerima pendedahan keusahawanan yang luas daripada rakan dan keluarga. Dapatan kajian ini juga telah menyangkal tanggapan bahawa kebanyakan wanita melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan kerana terpaksa berikutan desakan hidup dan kedudukan ekonomi yang tidak stabil.

Lee (1997) telah menjalankan kajian yang bertajuk *The Motivation Of Women Entrepreneurs In Singapore*. Dalam kajian ini, pengkaji cuba mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong golongan wanita dalam usaha menjadi seorang pemilik perniagaan. Matlamat kajian adalah untuk melihat ciri-ciri seorang usahawan wanita di Singapura, keperluan motivasi dan faktor-faktor yang mempengaruhi keperluan motivasi di kalangan usahawan wanita.

Hipotesis kajian mendapati bahawa pemilikan perniagaan merupakan manifestasi kepada empat asas keperluan iaitu pencapaian, penggabungan, autonomi dan pengaruh. Lantaran itu kesimpulan yang telah dibuat menunjukkan usahawan wanita dimotivasikan oleh keperluan yang tinggi terhadap pencapaian, keperluan yang agak tinggi terhadap pengaruh serta keperluan yang sederhana terhadap penggabungan dan autonomi.

Hisrich et. al. (1999) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Women Entrepreneurs In A Developing Economy*. Fokus kajian adalah tentang ciri-ciri, prestasi dan masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan wanita di dalam membangunkan ekonomi di Turki. Hasil kajian mendapati walaupun usahawan wanita menunjukkan banyak persamaan dengan golongan usahawan di negara lain, namun mereka tetap berbeza dalam aspek-aspek tertentu seperti faktor penglibatan dan faktor motivasi semasa memulakan dan semasa mengendalikan perniagaan. Perbezaan ini merupakan sebahagian kesan daripada perbezaan struktur sosial dalam membangunkan sesebuah ekonomi, terutamanya kesan daripada pengasingan pekerjaan, ketidaksamaan upah dan penglibatan di dalam sektor ekonomi bukan sokongan.

Carter (2000) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Improving The Numbers And Performance Of Women-Owned Businesses : Some Implications For Training And Advisory Services*. Menurut kajian ini, walaupun semakin banyak inisiatif yang telah diambil oleh pihak

kerajaan untuk menggalakkan penglibatan golongan wanita dalam bidang keusahawanan namun jumlah mereka yang membuat keputusan untuk memulakan perniagaan adalah sedikit. Kajian ini juga mendapati pengalaman wanita dalam pemilikan perniagaan adalah sangat berbeza berbanding kaum lelaki.

Di akhir kajian, pengkaji mendapati penglibatan dan pengalaman golongan wanita dalam bidang perniagaan banyak dipengaruhi oleh latihan dan bimbingan yang disediakan oleh kerajaan dan agensi-agensi tertentu. Isu-isu tentang perkhidmatan latihan dan bimbingan perniagaan ini boleh dibahagikan mengikut peringkat pembangunan perniagaan iaitu peringkat permulaan, pertumbuhan dan pembangunan.

Grondin dan Grondin (1994), telah membuat kajian yang bertajuk *The Export Orientation of Canadian Female Entrepreneurs in New Brunswick*. Kajian ini merupakan satu perbandingan antara usahawan wanita yang terlibat dalam perniagaan eksport dan bukan eksport. Perbandingan ini berfokus kepada pengetahuan mereka tentang pasaran eksport, persepsi mereka tentang kepentingan pengetahuan pasaran eksport dan faedah daripada bantuan kerajaan melalui program penggalakan eksport.

Hasil kajian mendapati majoriti usahawan wanita di New Brunswick tidak mengeksport produk dan perkhidmatan mereka. Dapatan kajian ini juga mendapati hasil daripada program penggalakan eksport, jumlah usahawan wanita yang mula menceburi perniagaan eksport semakin meningkat. Ini kerana banyak faedah yang akan mereka perolehi melalui program peningkatan kualiti produk atau perkhidmatan. Pada masa yang sama, pihak kerajaan akan terus melipat gandakan usaha untuk memberikan pendedahan yang lebih meluas kepada golongan usahawan wanita yang masih belum terlibat dalam cabang perniagaan ini. Akhir

sekali, bagi usahawan wanita yang telah menceburkan diri dalam pasaran eksport adalah diingatkan agar sentiasa berusaha untuk menguasai pasaran, mendapatkan maklumat tentang bagaimana untuk memperbaiki strategi dan taktik perniagaan mereka serta bagaimana untuk mengekalkan kelebihan persaingan dalam pasaran dunia.

2.3.4 Kesimpulan Kajian Lepas Luar Negara

Berdasarkan kajian-kajian lepas luar negara, didapati kebanyakan kajian yang dijalankan adalah melibatkan golongan usahawan wanita. Perspektif kajian mereka adalah tentang motivasi dan faktor-faktor yang mendorong penglibatan golongan wanita dalam aktiviti keusahawanan.

Hasil kajian-kajian tersebut mendapati, golongan wanita melibatkan diri dalam bidang keusahawanan disebabkan oleh beberapa faktor penarik dan bukan disebabkan oleh kesempitan hidup atau tiada pilihan dalam pekerjaan seperti tanggapan tradisional masyarakat. Selain itu, didapati juga kebanyakan usahawan wanita mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pencapaian dalam perniagaannya. Namun untuk memastikan pencapaian mereka kekal dan dapat memenuhi standard usahawan berjaya, peranan kerajaan dan agensi-agensi pembangunan perniagaan amat penting. Bantuan-bantuan yang diperlukan bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga melibatkan penyediaan program latihan dan konsultasi perniagaan.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kaedah-kaedah dan metodologi kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian. Bab ini juga akan menerangkan tentang reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, responden kajian, kawasan kajian dan kaedah penganalisan data.

3.2 Reka bentuk Kajian


Kajian ini adalah merupakan kajian lapangan yang bertujuan untuk melihat aktiviti keusahawanan di kalangan ibu tunggal di negeri Johor. Reka bentuk kajian yang dipilih ialah kajian tinjauan (*survey research*). Kaedah tinjauan ini dipilih kerana darjah

kebolehpercayaannya tinggi, kos yang murah dan jangka masa yang diperlukan untuk melaksanakannya adalah singkat. (De Vaus, 1986). Populasi kajian adalah terdiri daripada golongan ibu tunggal dari daerah Johor Bahru, Pontian, Muar dan Batu Pahat yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan. Kajian ini hanya melibatkan ibu-ibu tunggal yang terlibat dalam bidang keusahawanan dan berdaftar dengan Persatuan Ibu tunggal Negeri Johor (CARE) sahaja. Pada masa kajian ini dijalankan, jumlah ahli yang berdaftar dengan Persatuan Ibu Tunggal di Negeri Johor (C.A.R.E) ialah seramai 320 orang. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen utama kajian. Memandangkan kajian ini bertujuan untuk mengkaji aktiviti keusahawanan di kalangan ibu tunggal, maka aspek-aspek yang dikaji adalah terdiri daripada faktor-faktor penglibatan, kejayaan dan kegagalan ibu tunggal dalam perniagaan.


Faktor-faktor penglibatan ibu tunggal dilihat daripada tiga elemen utama iaitu elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi. Manakala faktor-faktor kejayaan pula dilihat berdasarkan empat elemen iaitu pengetahuan yang dimiliki, strategi perniagaan, persekitaran dan sikap. Pengenal pastian faktor-faktor kegagalan adalah berdasarkan kepada 20 item yang telah dikemukakan. Kerangka kajian adalah seperti yang ditunjukkan di Rajah 3.1.

3.2.1 Model Kajian

Rajah 3.1 : Model Kajian



3.2.2 Carta Aliran Kajian



Rajah 3.2 Carta Aliran Kajian

Langkah-langkah pelaksanaan untuk mencapai objektif kajian adalah seperti yang digambarkan di Rajah 3.2. Proses kajian ini bermula dengan mengenal pasti pernyataan masalah kajian. Berdasarkan pernyataan tersebut, matlamat dan objektif kajian pula dibentuk. Kajian literatur kemudiannya dilaksanakan untuk mendapat gambaran tentang aspek yang dikaji dan untuk bertindak sebagai garis panduan dalam pemilihan kaedah untuk mencapai objektif kajian. Berdasarkan kajian literatur juga kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik kajian dianalisis untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang perlu dilihat / dikaji di dalam kajian ini. Seterusnya, metodologi kajian ditentukan dan soal selidik dipilih sebagai instrumen kajian. Data yang dikumpul melalui soal selidik tersebut diproses dan dianalisis melalui analisis kuantitatif. Akhir sekali, dari analisis tersebut kesimpulan dibuat untuk mencapai objektif kajian.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

3.3.1 Populasi dan Sampel Kajian

Sampel kajian adalah terdiri daripada kaum ibu tunggal yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan. Hanya wanita Melayu sahaja dipilih dalam kajian ini. Kesemua sampel ibu tunggal ini merupakan ketua isi rumah sama ada kerana bercerai atau kematian suami.

Populasi kajian terdiri daripada golongan ibu tunggal yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan di daerah Johor Bahru, Pontian, Batu Pahat dan Muar. Daripada populasi

tersebut 75 orang telah dipilih secara rawak (*cluster sampling - 'convenient sampling'*) sebagai sampel kajian. Kajian ini hanya melibatkan ibu tunggal kaum Melayu yang terlibat dalam perniagaan dan berdaftar dengan Persatuan Ibu Tunggal Negeri Johor. (C.A.R.E) . Pemilihan sampel dibuat berdasarkan pembahagian mengikut daerah dan seperti di dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1 : Jumlah Dan Peratusan Sampel Mengikut Daerah

Daerah	Peratusan (%)	Jumlah
Johor Bahru	40	30
Pontian	20	15
Batu Pahat	20	15
Muar	20	15
Jumlah Keseluruhan	100	75

Berdasarkan Jadual 3.1, pembahagian responden kajian di setiap daerah dibuat melalui kaedah peratusan. Jumlah sampel yang teramai adalah dari daerah Johor Bahru (40% atau 30 orang) dan keputusan ini dibuat berdasarkan tinjauan dan pemerhatian pengkaji yang mendapati jumlah ibu tunggal yang berniaga di sekitar Johor Bahru adalah lebih ramai berbanding tiga daerah lain.

Bagi tiga daerah yang selebihnya pula pengkaji telah menetapkan peratusan yang sama rata iaitu Pontian 20%, Batu Pahat 20% dan Muar 20%. Ini menjadikan jumlah responden kajian di setiap daerah tersebut adalah seramai 15 orang. Pengkaji telah mendapatkan maklumat berkaitan dengan ibu tunggal melalui Persatuan Ibu Tunggal Negeri Johor. Soal selidik telah diedarkan kepada 75 orang ibu tunggal yang telah dipilih sebagai sampel kajian.

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan untuk pengumpulan data primer dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Soal selidik dibahagikan kepada enam bahagian seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2 : Pembahagian soal selidik

Bahagian	Soalan-soalan	Bil. Item
A	Maklumat peribadi responden Sumber : Fatimah (1974) & Noor Hasma (1995)	8
B	Maklumat perniagaan dan perusahaan yang dikendalikan oleh responden Sumber : Fatimah (1974) & Noor Hasma (1995)	13
C	Faktor-faktor yang mendorong penglibatan ibu tunggal dalam perniagaan Sumber : Hisrich & Brush (1986), Yong & Welseh (1993)	21
D	Faktor-faktor yang membantu kejayaan ibu tunggal dalam perniagaan Sumber : Zaidatul & Habibah (1997) Tee Kee Pei (2000)	20
E	Faktor-faktor yang mempengaruhi kegagalan ibu tunggal dalam perniagaan Sumber : Zaidatul & Habibah (1997) Tee Kee Pei (2000)	20
F	Masalah-masalah yang dihadapi semasa memulakan dan semasa mengendalikan perniagaan Fatimah (1974) & Noor Hasma (1995), Tee Kee Pei (2000)	15

Bahagian A :

Bahagian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat berkaitan latar belakang responden. Sebanyak lapan soalan dikemukakan kepada responden merangkumi umur, tahap pendidikan, latar belakang keluarga, bilangan anak, sebab-sebab menceburi bidang perniagaan, pekerjaan terakhir dan sebab-sebab menjadi ibu tunggal.

Bahagian B :

Mengandungi soalan-soalan tentang maklumat perusahaan dan perniagaan. Sebanyak 13 soalan telah dikemukakan yang bertujuan untuk mengenal pasti maklumat-maklumat tentang perusahaan dan perniagaan yang dijalankan oleh responden. Di antara soalan-soalan yang dikemukakan adalah berkaitan jenis perniagaan, bilangan pekerja dan jumlah modal yang digunakan ketika memulakan perniagaan.

Bahagian C :

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan. Faktor-faktor tersebut dilihat daripada tiga elemen utama iaitu elemen persekitaran (enam soalan), elemen individu (sembilan soalan) dan elemen motivasi (enam soalan). Responden diminta untuk memilih jawapan berdasarkan Skala Likert seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.3.

Bahagian D :

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang membantu kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan. Faktor-faktor ini dilihat daripada empat elemen utama iaitu elemen pengetahuan, elemen strategi perniagaan, elemen persekitaran dan elemen sikap. Setiap elemen terdiri daripada lima item soalan yang melibatkan kenyataan positif dan kenyataan negatif. Responden diminta untuk memilih jawapan berdasarkan Skala Likert seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.3.

Bahagian E :

Mengandungi soalan-soalan yang bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kegagalan ibu tunggal dalam bidang perniagaan. Sebanyak 23 soalan telah dikemukakan dan responden diminta untuk memilih jawapan berdasarkan Skala Likert seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.3.

Bahagian F :

Mengandungi 15 soalan yang bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal semasa memulakan perniagaan dan semasa mengendalikan perniagaan. Bahagian ini menggunakan item *ya* atau *tidak* sebagai pilihan jawapan.

Jadual 3.3 : Skala Likert

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Bersetuju (STB)	Tidak Bersetuju (TB)	Kurang Bersetuju (KB)	Setuju (S)	Sangat Bersetuju (SB)

Sumber : Likert L.R. (1976).

3.5 Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dilakukan sebelum borang soal selidik sebenar diedarkan kepada responden. Tujuan kajian rintis dilakukan adalah untuk memastikan ciri-ciri soalan yang perlu diubah suai dan dikekalkan. Selain itu ia juga dapat menentukan kesahihan isi soal selidik melalui pandangan pakar dan individu (Azizah, 2000).

Kajian rintis juga perlu kerana dengan cara ini kesesuaian dan ketepatan soalan serta format yang digunakan dalam soal selidik dapat dikenal pasti dan kelemahan-kelemahan yang kecil boleh diperbaiki untuk menghasilkan soal selidik yang bermutu (Mohd Majid, 1990).

Kaedah ujian kebolehpercayaan Alpha Cronbach digunakan untuk menguji kebolehpercayaan item-item soalan di Bahagian C, D dan E. Untuk Bahagian C (faktor penglibatan ibu tunggal dalam perniagaan) Alpha Cronbach adalah 0.7480. Oleh yang demikian, kesemua 21 item yang disenaraikan dalam bahagian ini adalah konsisten. Alpha Cronbach bagi Bahagian D (faktor yang membantu kejayaan ibu tunggal dalam perniagaan)

adalah 0.7923. Oleh itu seperti Bahagian B, kesemua 20 item yang disenaraikan dalam bahagian ini adalah konsisten. Dan akhir sekali, Alpha Cronbach bagi Bahagian E (faktor kegagalan ibu tunggal dalam perniagaan) adalah 0.9691. Dan seperti sebelumnya, kesemua 23 item yang disenaraikan dalam bahagian ini juga adalah konsisten. Keputusan ketiga-tiga analisis ini adalah seperti di **Lampiran B, C dan D**.

Jadual 3.4 : Hasil Kajian Rintis

Bahagian	Soalan	Nilai Alpha
C : Faktor Penglibatan	21 item soalan	0.7480
D : Faktor Kejayaan	20 item soalan	0.7923
E : Faktor Kegagalan	20 item soalan	0.9691

3.6 Kaedah Penganalisan Data

Data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Data-data tersebut akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) 10.0*.

Objektif pertama (mengetahui profil perniagaan ibu tunggal) dianalisis dan dibentangkan dalam bentuk peratusan dan kekerapan manakala, objektif kedua dan ketiga (melihat persepsi responden terhadap penglibatan dan kejayaan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan) pula dicapai dengan melihat tahap menggunakan analisis min skor. Tiga

tahap telah dikenal pasti iaitu tahap rendah (skor min 1.00 – 2.33), tahap sederhana (2.34 – 3.67) dan tahap tinggi (3.68 – 5.00). Data dianalisis secara keseluruhan dan juga mengikut elemen-elemen yang ditetapkan iaitu elemen persekitaran, individu dan motivasi (untuk tahap penglibatan) serta elemen pengetahuan, strategi perniagaan, persekitaran dan sikap (untuk tahap kejayaan).

Objektif keempat (mengenal pasti faktor kegagalan) dianalisis dengan menggunakan min manakala objektif kelima (mengenal pasti masalah ketika memulakan dan mengendalikan perniagaan) dianalisis dan dibentangkan dalam bentuk peratusan dan kekerapan.

Untuk mengetahui hubungan antara elemen persekitaran, individu dan motivasi dengan pencapaian ibu tunggal seperti yang dinyatakan dalam objektif keenam, analisis Korelasi Spearman digunakan. Interpretasi analisis akan menggunakan jadual Saiz Pekali Korelasi.

Jadual 3.5 : Interpretasi Mengikut Saiz Pekali Korelasi

Nilai Pekali Korelasi	Interpretasi
0.0 – 0.2	Hubungan yang sangat lemah
0.2 – 0.4	Korelasi rendah
0.4 – 0.7	Korelasi sederhana
0.7 – 0.9	Korelasi tinggi
0.9 – 1.0	Korelasi yang sangat tinggi

Sumber : Rowntree, D. (1981).

BAB IV

ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membentangkan segala dapatan yang diperolehi berdasarkan analisis yang telah dijalankan ke atas 75 soal selidik yang telah dikembalikan oleh responden.

Penganalisan data telah dijalankan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 10.0*. Data-data yang diperolehi akan dianalisis melalui 2 kaedah analisis iaitu analisis Deskriptif dan analisis Brivariate.


4.2 Analisis Deskriptif

Bahagian ini akan membentangkan dapatan kajian dalam bentuk jadual kekerapan, carta bar dan carta pai. Selain itu, persepsi responden terhadap tahap penglibatan dan

kejayaan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan akan turut dibentangkan dalam bahagian ini.


4.2.1 Bahagian A: Maklumat Demografi

Rajah 4.1 : Taburan Kekurangan dan Peratusan Responden Mengikut Umur




Rajah 4.1 menunjukkan majoriti responden adalah ibu tunggal yang berumur 51 tahun dan ke atas iaitu seramai 30 orang (40%) Jumlah mereka yang berumur 41 – 50 tahun pula tiada banyak beza iaitu seramai 29 orang (38.7%). Seterusnya seramai 13 orang (17.3%) responden berumur di antara 31 – 40 tahun dan hanya 3 orang (4%) responden berumur di antara 21 – 30 tahun.

Rajah 4.2 : Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Pendidikan




Berdasarkan Rajah 4.2, majoriti daripada responden merupakan mereka yang mendapat pendidikan di peringkat sekolah menengah. Ini dapat dilihat apabila 42 orang (56%) responden memperolehi pendidikan sehingga sekolah menengah, diikuti 23 orang (30.7%) responden berpendidikan sekolah rendah. Dapatan juga menunjukkan terdapat juga responden yang mendapat pendidikan sehingga ke peringkat universiti iaitu seramai 3 orang (4%).

Rajah 4.3 : Taburan Kekeperan dan Peratusan Responden Mengikut Latar Belakang Keluarga




Berdasarkan Rajah 4.3 boleh dirumuskan bahawa jumlah responden yang bukan dari keluarga peniaga adalah lebih kurang sama dengan jumlah responden yang mempunyai beberapa orang ahli keluarga peniaga (masing-masing 37 orang (49.3%) dan 34 orang (45.3%).

Rajah 4.4 : Taburan Kekekapan dan Peratusan Responden Mengikut Bilangan Anak




Rajah 4.4 menunjukkan sejumlah besar responden, iaitu seramai 55 orang (73.3%) memiliki anak di antara satu hingga lima orang. Diikuti dengan 18 orang (24%) responden memiliki anak seramai 6 – 10 orang. Jumlah dan peratusan responden yang tidak memiliki anak adalah sama dengan mereka yang memiliki anak seramai 11 orang dan ke atas iaitu seorang (1.3%) responden.

Rajah 4.5 : Sebab-sebab Menceburkan Diri Dalam Perniagaan




Rajah 4.5 menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 41 orang (54.7%) responden berniaga sebagai punca pendapatan. Ini diikuti oleh faktor minat seramai 16 orang (21.3%) responden dan sebagai kerja sampingan seramai 12 orang (16%) responden. Hanya tiga orang (4%) responden menyatakan bahawa mereka berniaga kerana kurang berpuas hati dengan pekerjaan terdahulu. Dua orang (2.7%) responden berniaga disebabkan oleh sokongan keluarga dan seorang (1.3%) responden menerima sokongan daripada pihak kerajaan.

Rajah 4.6 : Pekerjaan Terakhir Sebelum Berniaga




Rajah 4.6 menunjukkan majoriti responden iaitu 46 orang (61.3%) responden tiada pekerjaan atau menjadi suri rumah sepenuh masa sebelum menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Diikuti dengan 15 orang (20%) responden bekerja dengan sektor swasta dan 11 orang (14.7 %) merupakan kakitangan kerajaan.

Rajah 4.7 : Penyertaan Dalam Latihan / Kursus Tentang**Keusahawanan**

Rajah 4.7 menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 44 orang (58.7 %) responden memberitahu bahawa mereka tidak pernah menyertai atau menerima sebarang latihan / kursus keusahawanan manakala seramai 31 orang (41.3%) responden pula memberitahu bahawa mereka pernah menerima latihan / kursus tentang perniagaan / keusahawanan.

Rajah 4.8 : Sebab-sebab Menjadi Ibu Tunggal




Rajah 4.8 menunjukkan kebanyakan responden iaitu sebanyak 46 orang (61.3%) menyatakan bahawa mereka menjadi ibu tunggal disebabkan oleh kematian suami. Seramai 29 orang (38.7 %) responden pula menyatakan mereka menjadi ibu tunggal disebabkan berlakunya perceraian.

4.2.2 Bahagian B :Maklumat Perniagaan Dan Perusahaan


Maklumat perniagaan dan perusahaan yang akan dibincangkan merangkumi maklumat organisasi, jenis perusahaan, tempoh menjalankan perniagaan, umur semasa memulakan perniagaan, pengalaman dan tempoh pengalaman, bilangan pekerja, modal dan sumber modal, pendapatan bersih sebulan, pengendalian akaun kira-kira, khidmat nasihat dan purata masa yang digunakan untuk berniaga.

Rajah 4.9 : Organisasi Perniagaan / Perusahaan




Rajah 4.9 menunjukkan perniagaan perseorangan merupakan jenis perniagaan yang paling utama diceburi oleh ibu tunggal. Ini adalah kerana 65 daripada 75 responden mengatakan sedemikian. Lima orang responden (6.7%) pula mengatakan bahawa perniagaan mereka adalah merupakan perniagaan jenis perkongsian dan jumlah yang sama juga untuk syarikat sendiri berhad.

Rajah 4.10 : Jenis Perniagaan / Perusahaan




Rajah 4.10 menunjukkan kebanyakan daripada responden menjalankan perniagaan / perusahaan makanan dan minuman iaitu seramai 33 orang (44%). Ini diikuti dengan perniagaan kain dan pakaian serta bidang-bidang lain yang tidak disenaraikan masing-masing berjumlah 13 orang (17.3%) responden. hanya sebilangan kecil sahaja yang terlibat dalam perniagaan perhiasan dan bunga iaitu seramai 2 orang (2.7%) responden.

Rajah 4.11 : Tempoh Menjalankan Perniagaan




Rajah 4.11 menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 23 orang (30.7%) responden merupakan orang lama dalam bidang perniagaan dan telah menjalankan perniagaan selama 15 tahun dan ke atas. Ini diikuti 20 orang (26.7%) responden yang telah menjalankan perniagaan selama 1 – 5 tahun. Hasil kajian juga mendapati hanya sebilangan kecil responden yang menjalankan perniagaan untuk tempoh 1 tahun dan ke bawah iaitu seramai 6 orang (8%).

Rajah 4.12 : Umur Semasa Memulakan Perniagaan




Rajah 4.12 menunjukkan dapatan kajian berkaitan umur ibu tunggal semasa terlibat dalam perniagaan. Kajian menunjukkan sebahagian besar daripada responden mula menceburkan diri dalam bidang perniagaan pada umur 31 – 40 tahun iaitu seramai 32 orang (42.7%). Diikuti seramai 19 orang (25.3%) responden pada umur 21 – 30 tahun, 17 orang (22.7%) responden pada umur 41 – 50 tahun dan seramai 5 orang (6.7%) responden memulakan perniagaan pada usia 51 tahun dan ke atas dan hanya sebilangan kecil sahaja yang memulakan perniagaan seawal usia 20 tahun dan ke bawah.

Rajah 4.13 : Pengalaman Yang Dimiliki Dalam Bidang Perusahaan / Perniagaan Yang Diceburi Semasa Memulakan Perniagaan




Rajah 4.13 menunjukkan dapatan berkaitan pengalaman yang dimiliki oleh ibu tunggal dalam bidang perusahaan / perniagaan yang diceburi. Hasil kajian mendapati majoriti daripada responden iaitu 54 orang (72%) mempunyai pengalaman yang berkaitan dengan bidang perniagaan mereka sebelum menceburi bidang tersebut. Walau bagaimanapun terdapat juga responden yang memasuki bidang perniagaan tanpa sebarang pengalaman yang berkaitan iaitu seramai 21 orang (28%).

Rajah 4.14 : Tempoh Pengalaman Dalam Perusahaan / Perniagaan




Rajah 4.14 menunjukkan majoriti daripada responden mempunyai pengalaman selama 10 tahun dan ke atas iaitu seramai 44 orang (58.7%). Ini diikuti dengan 15 orang (20%) responden mempunyai pengalaman selama 4 – 6 tahun, 10 orang (13.3%) responden berpengalaman selama 1 – 3 tahun dan 4 orang (5.3%) memiliki pengalaman selama 7 – 9 tahun. Kajian menunjukkan hanya 2 orang (2.7%) responden yang mempunyai pengalaman selama 1 tahun dan ke bawah.

Rajah 4.15 : Bilangan Pekerja




Rajah 4.15 menunjukkan seramai 37 orang (49.3%) responden memiliki 1 – 2 orang pekerja untuk membantu perniagaan mereka. Jumlah ini bertentangan dengan 18 orang (24%) responden yang tidak mendapatkan sebarang bantuan pekerja luar. Seterusnya seramai 13 orang (17.3%) responden pula memiliki 3 – 4 orang pekerja, 3 orang (4%) responden memiliki 7 – 8 orang pekerja dan 2 orang (2.7%) responden memiliki 5 – 6 orang pekerja. Akhir sekali, hanya dua orang (2.7%) responden mempunyai tenaga pekerja yang boleh dikatakan agak besar iaitu seramai 9 orang pekerja dan ke atas.

Rajah 4.16 : Modal Ketika Memulakan Perniagaan




Rajah 4.16 menunjukkan modal yang dimiliki oleh responden ketika memulakan perniagaan. Hasil kajian mendapati sebahagian besar daripada responden memulakan perniagaan dengan modal sebanyak RM 1000 dan ke bawah iaitu seramai 34 orang (45.3%). Ini diikuti seramai 27 orang (36%) memulakan perniagaan dengan modal RM 1001 – RM 5000. Hanya seorang (1.3 %) memulakan perniagaan dengan modal sebanyak RM 50 001 dan ke atas.

Rajah 4.17 : Sumber Modal




Rajah 4.17 menunjukkan sumber modal yang diperolehi oleh responden untuk menjalankan perniagaan. Hasil kajian menunjukkan majoriti daripada responden memulakan perniagaan dengan menggunakan wang simpanan sendiri iaitu seramai 60 orang (80%). Selain daripada simpanan sendiri terdapat juga responden yang mendapatkan modal melalui sumber-sumber lain seperti pinjaman daripada keluarga, rakan-rakan, institusi, persatuan dan melalui harta warisan yang dimiliki. Hanya seorang (1.3%) responden sahaja yang membuat pinjaman daripada rakan-rakan yang merupakan jumlah yang terkecil jika dibandingkan dengan sumber modal lain yang dimiliki.

Rajah 4.18 : Pendapatan Bersih Sebulan




Rajah 4.18 menunjukkan pendapatan bersih sebulan yang dimiliki oleh responden. Seperti modal permulaan, keuntungan bersih yang diperolehi responden juga tidak begitu besar. Hasil kajian mendapati sebahagian besar daripada responden memperoleh pendapatan RM 500 dan ke bawah iaitu seramai 25 orang (33.3%), 7 orang (9.3%) memperoleh pendapatan sebanyak RM 1501 – RM 2000 dan RM 2001 ke atas.

Rajah 4.19 : Pengendalian Simpanan Kira-kira / Akaun




Rajah 4.19 menunjukkan dapatan kajian berkaitan pengendalian simpanan kira-kira / akaun perniagaan ibu tunggal. Hasil kajian menunjukkan majoriti daripada responden iaitu seramai 65 orang (86.7%) mengendalikan sendiri kira-kira atau akaun bagi perniagaan mereka. Hasil kajian juga menunjukkan hanya seramai 2 orang (2.7%) yang menggunakan khidmat kerani, juru kira berpengalaman dan individu-individu lain yang tidak disenaraikan untuk mengendalikan akaun perniagaan mereka manakala terdapat 4 orang (5.3%) yang tidak pernah mengendalikan akaun.

Rajah 4.20 : Perkhidmatan Nasihat / Pertolongan



Rajah 4.20 menunjukkan majoriti daripada responden iaitu seramai 51 orang (68%) tidak pernah menerima sebarang nasihat atau pertolongan daripada mana-mana agensi. Kajian juga mendapati bahawa hanya sebahagian kecil responden yang memperoleh nasihat dan pertolongan daripada lain-lain agensi dan pertubuhan, nasihat daripada ibu bapa dan keluarga, MARA dan hanya seorang (1.3%) menerima nasihat dan pertolongan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan.

Rajah 4.21 : Purata Masa Yang Digunakan Untuk Berniaga Sehari




Rajah 4.21 menunjukkan purata masa yang digunakan oleh ibu tunggal untuk berniaga dalam masa sehari. Hasil kajian mendapati sebahagian besar daripada responden iaitu seramai 45 orang (60%) menggunakan 6 – 10 jam sehari untuk berniaga. Dapatan juga menunjukkan hanya 2 orang (2.7%) responden menggunakan masa selama 16 jam dan ke atas untuk berniaga dalam sehari.

4.2.3 Bahagian C : Penglibatan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan


Bahagian ini akan membincangkan hasil dapatan berkaitan dengan penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan. Ia meliputi persepsi responden terhadap tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan secara keseluruhan dan berdasarkan tiga elemen yang dikaji iaitu elemen persekitaran, individu dan motivasi.

Rajah 4.22 : Persepsi Responden Terhadap Tahap Penglibatan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan Secara Keseluruhan




Rajah 4.22 menunjukkan persepsi responden terhadap tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan secara keseluruhan. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan daripada responden merasakan bahawa tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan berada pada tahap tinggi iaitu seramai 42 orang (56%). Seramai 32 orang (42.7%) responden merasakan pada tahap sederhana dan hanya satu orang (1.3%) yang berpendapat tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan berada pada tahap rendah. Kajian ini menunjukkan bahawa tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan berada pada tahap tinggi.

Rajah 4.23 : Persepsi Responden Terhadap Tahap Penglibatan Ibu Tunggal
Dalam Bidang Perniagaan Berdasarkan Elemen Persekitaran




Rajah 4.23 menunjukkan persepsi responden terhadap penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan dari elemen persekitaran. Hasil kajian menunjukkan sebahagian daripada ibu tunggal iaitu seramai 42 orang (56%) merasakan bahawa tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan daripada elemen persekitaran berada pada tahap tinggi. Ini diikuti dengan 30 orang (40%) mengatakan pada tahap sederhana manakala hanya 3 orang (4.0%) yang mengatakan pada tahap yang rendah. Hasil kajian menunjukkan bahawa elemen persekitaran merupakan antara faktor yang mendorong penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan.

Rajah 4.24 : Persepsi Responden Terhadap Tahap Penglibatan Ibu Tunggal
Dalam Bidang Perniagaan Berdasarkan Elemen Individu.



Rajah 4.24 menunjukkan persepsi responden terhadap tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan daripada elemen individu. Dapatan menunjukkan majoriti daripada responden merasakan tahap penglibatan ibu tunggal daripada elemen individu berada pada tahap yang tinggi iaitu seramai 52 orang (69.3%). Ini diikuti dengan 22 orang (29.3%) mengatakan pada tahap sederhana manakala hanya 1 orang (1.3%) mengatakan pada tahap rendah. Ini menunjukkan bahawa elemen individu merupakan antara faktor yang mendorong kepada penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan.

Rajah 4.25 : Persepsi Responden Terhadap Tahap Penglibatan Ibu Tunggal
Dalam Bidang Perniagaan Berdasarkan Elemen Motivasi




Rajah 4.25 menunjukkan majoriti daripada responden iaitu 56 orang (74.7%) merasakan tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan dari elemen motivasi berada pada tahap tinggi. Ini diikuti dengan 18 orang (24%) pada tahap sederhana manakala hanya 1 orang (1.3%) merasakan tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan dari elemen motivasi pada tahap rendah. Dapatan menunjukkan faktor motivasi juga merupakan antara faktor yang mendorong penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan.

4.2.4 Bahagian D : Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan

Bahagian ini akan membincangkan hasil dapatan berkaitan dengan penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan. Ia meliputi persepsi responden terhadap tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan secara keseluruhan dan berdasarkan tiga elemen yang dikaji iaitu elemen persekitaran, individu dan motivasi.


Rajah 4.26 : Persepsi Responden Terhadap Tahap Kejayaan Ibu Tunggal
Dalam Bidang Perniagaan Secara Keseluruhan



Rajah 4.26 menunjukkan persepsi responden terhadap tahap kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan secara keseluruhan. Majoriti responden merasakan bahawa tahap kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan berada pada tahap tinggi (70 orang atau 93.3%) dan selebihnya, iaitu 5 orang (6.7%) merasakan ia berada pada tahap sederhana.


Oleh itu dapat disimpulkan persepsi responden terhadap tahap kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan ialah pada tahap yang memuaskan.

Rajah 4.27 : Persepsi Responden Terhadap Tahap Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan Daripada Elemen Pengetahuan




Rajah 4.27 menunjukkan persepsi responden terhadap tahap kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan daripada elemen pengetahuan. Dapatan menunjukkan majoriti daripada responden merasakan tahap kejayaan ibu tunggal berdasarkan elemen pengetahuan berada pada tahap sederhana iaitu seramai 45 orang (60%). Ini diikuti dengan 23 orang (30.7%) yang mengatakan pada tahap tinggi manakala 7 orang (9.3%) merasakan ia berada pada tahap rendah. Hasil dapatan menunjukkan kebanyakan responden mengatakan elemen pengetahuan berada pada tahap yang sederhana sahaja walaupun ia menyumbang kepada faktor kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan.

Rajah 4.28 : Persepsi Responden Terhadap Tahap Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan Daripada Elemen Strategi Perniagaan




Rajah 4.28 menunjukkan persepsi responden terhadap tahap kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan dari elemen strategi perniagaan. Hasil kajian menunjukkan keseluruhan responden mengatakan tahap kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan berdasarkan elemen strategi perniagaan berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa strategi perniagaan merupakan antara faktor yang membantu kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan. Kajian menunjukkan elemen strategi perniagaan merupakan faktor yang penting dalam membantu kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan. Ini dapat dilihat apabila semua responden bersetuju mengatakan ia berada pada tahap tinggi.

Rajah 4.29 : Persepsi Responden Terhadap Tahap Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan Daripada Elemen Persekitaran



Rajah 4.29 menunjukkan persepsi responden terhadap kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan daripada elemen persekitaran. Kajian mendapati majoriti daripada responden mengatakan tahap kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan daripada elemen persekitaran berada pada tahap tinggi iaitu seramai 68 orang (90.7) dan hanya 7 orang (9.3%) mengatakan pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa elemen persekitaran merupakan antara faktor yang membawa kepada kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan.

Rajah 4.30 : Persepsi Responden Terhadap Tahap Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan Daripada Elemen Sikap



Rajah 4.30 menunjukkan persepsi responden terhadap kejayaan ibu tunggal daripada elemen sikap. Hasil kajian menunjukkan kesemua responden iaitu 75 orang (100%) mengatakan kejayaan ibu tunggal daripada elemen sikap berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa elemen sikap merupakan antara faktor penting yang membantu kepada kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan.

4.2.5 Bahagian E : Kegagalan Ibu Tunggal Dalam Bidang Perniagaan

23 soalan telah dikemukakan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kegagalan ibu tunggal dalam bidang perniagaan dan pemilihan jawapan oleh responden adalah berdasarkan Skala Likert. Dapatan adalah seperti berikut:


Jadual 4.1 : Min Bagi Faktor-faktor kegagalan

Bil.	Faktor-faktor Kegagalan	Min
1.	Tidak mempunyai keyakinan diri dalam mengendalikan perniagaan.	3.71
2.	Tidak mengendalikan amalan-amalan perniagaan seperti belanjawan, kunci kira-kira dan kawalan stok dengan baik.	3.77
3.	Tiada kemahiran membuat keputusan dengan berkesan.	3.85
4.	Mudah berputus asa.	3.76
5.	Kurang pengetahuan tentang teknik-teknik penjualan dan pemasaran.	3.88
6.	Tidak dapat menimbang dan menilai peluang perniagaan yang ada.	3.85
7.	Tiada hubungan yang baik dengan ahli-ahli profesional seperti peguam, pengurus bank dan akauntan.	3.53
8.	Tidak mampu mengguna dan menggabungkan idea-idea dengan kemahiran yang ada pada sesuatu keadaan.	3.75
9.	Mempunyai kesedaran dan motivasi diri yang rendah.	3.76
10.	Tidak dapat memahami keperluan pelanggan dalam pasaran.	3.80
11.	Tiada kemahiran mengenal pasti, menilai dan menyelesaikan masalah.	3.73
12.	Tidak mendapat bimbingan daripada pihak-pihak tertentu tentang perniagaan.	3.68

13.	Tidak mementingkan strategi perniagaan.	3.63
14.	Tidak dapat merancang dan menetapkan matlamat perniagaan.	3.79
15.	Tidak amanah dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri, perniagaan dan pelanggan.	3.57
16.	Tidak mengetahui tentang polisi-polisi dan peraturan-peraturan kerajaan.	3.57
17.	Tiada ketahanan diri untuk menghadapi cabaran perniagaan.	3.65
18.	Gagal bertindak terhadap cadangan dan kritikan yang diterima.	3.57
19.	Tiada kesungguhan, azam dan ketekunan dalam menjalankan perniagaan.	3.83
20.	Mempunyai persepsi negatif terhadap cabaran.	3.59


Jadual 4.1 menunjukkan nilai min bagi faktor-faktor kegagalan ibu tunggal dalam bidang perniagaan. Hasil dapatan menunjukkan min tertinggi ialah bagi faktor kurang pengetahuan tentang teknik penjualan dan pemasaran iaitu nilai min sebanyak 3.88. ini diikuti dengan tiada kemahiran membuat keputusan dengan berkesan dan tidak dapat menimbang dan menilai peluang perniagaan yang ada dengan min 3.85. Item tiada kesungguhan, azam dan ketekunan dalam menjalankan perniagaan juga menyumbang kepada kegagalan ibu tunggal dalam bidang perniagaan dengan min 3.83. Faktor seterusnya ialah tidak dapat memahami keperluan pelanggan dalam pasaran dengan min 3.80.

Rajah 4.31 : Tidak Mempunyai Keyakinan Diri Dalam Mengendalikan Perniagaan




Rajah 4.31 menunjukkan seramai 37 orang (49.3%) responden bersetuju dan seramai 18 orang (24%) responden menyatakan sangat setuju dengan kenyataan bahawa salah satu punca kegagalan sesuatu perniagaan adalah disebabkan tiadanya keyakinan diri. Responden yang selebihnya, iaitu 8 orang (10.7%), 4 orang (5.3%) dan 8 orang (10.7%) kurang bersetuju, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Rajah 4.32 : Tidak Mengendalikan Amalan Perniagaan Dengan Baik




Rajah 4.32 pula menunjukkan keputusan sama ada amalan-amalan perniagaan yang baik, seperti pengendalian akaun, kawalan stok dan lain-lain, merupakan satu punca kegagalan perniagaan. Seramai 34 orang (45.3%) responden bersetuju dan 19 orang (25.3%) responden menyatakan sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Walau bagaimanapun, responden yang selebihnya, tidak sependapat dengan kumpulan responden tersebut.

Rajah 4.33 : Tiada Kemahiran Membuat Keputusan Dengan Berkesan




Rajah 4.33 menunjukkan seramai 36 orang (48%) responden dan 19 (25.3%) menyatakan bersetuju dan sangat setuju bahawa sesuatu perniagaan mungkin gagal apabila pemiliknya tidak mempunyai kemahiran dalam membuat keputusan. Seramai 12 orang (16%) responden kurang bersetuju, 6 orang (8%) responden tidak bersetuju dan 2 orang (2.7%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju dengan pendapat tersebut.

Rajah 4.34 : Mudah Berputus Asa




Faktor dalaman pemilik perniagaan juga dirasakan mempengaruhi kejayaan perniagaan tersebut. Rajah 4.34 menunjukkan secara kolektif seramai 53 orang responden (70.7%) responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa sesuatu perniagaan mungkin menemui kegagalan jika pemiliknya mudah putus asa. Walau bagaimanapun, responden yang selebihnya tidak merasakan sedemikian.

Rajah 4.35 : Kurang Pengetahuan Tentang Teknik Penjualan Dan Pemasaran




Rajah 4.35 menunjukkan seramai 38 orang (50.7%) responden bersetuju bahawa kekurangan pengetahuan tentang teknik penjualan dan pemasaran yang berkesan juga adalah salah satu faktor mengapa sesuatu perniagaan gagal. Ini diikuti dengan 19 orang (25.3%) responden yang sangat bersetuju, 11 orang (14.7%) responden kurang bersetuju dan 4 orang (5.3%) responden tidak bersetuju dengan pengaruh faktor tersebut. Hanya 3 orang (4%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju.

Rajah 4.36 : Gagal Menimbang Dan Menilai Peluang Perniagaan Yang Ada




Rajah 4.36 menunjukkan seramai 36 orang (48%) responden bersetuju dan 17 orang (22.7%) responden sangat bersetuju bahawa kegagalan menimbang dan menilai peluang perniagaan yang ada adalah salah satu punca kegagalan perniagaan. Ini diikuti dengan 17 orang (22.7%) responden yang kurang bersetuju, 4 orang (5.3%) responden tidak bersetuju dan hanya seorang (1.3%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Rajah 4.37 : Tiada Hubungan Yang Baik Dengan Ahli-ahli Profesional




Ketiadaan hubungan yang baik di antara ahli-ahli profesional juga dirasakan salah satu sebab kegagalan sesuatu perniagaan. Seperti yang digambarkan oleh Rajah 4.37 di atas, seramai 28 orang (37.3%) responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Diikuti dengan 25 orang (33.3%) responden kurang bersetuju, 12 orang (16%) responden sangat bersetuju dan 8 orang (10.7%) responden tidak bersetuju. Hanya 2 orang (2.7%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju.

Rajah 4.38 : Gagal Menggunakan Dan Menggabungkan Idea-idea Dengan
Kemahiran Yang Ada




Rajah 4.38 menunjukkan seramai 42 orang (5%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa kegagalan menggunakan dan menggabungkan idea dengan kemahiran mereka adalah salah satu faktor kegagalan perniagaan. Diikuti seramai 15 orang (20%) responden kurang bersetuju, 11 orang (14.7%) responden sangat bersetuju dan 6 orang (8%) responden tidak bersetuju. Hanya seorang (1.3%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju.

Rajah 4.39 : Mempunyai Kesedaran Dan Motivasi Diri Yang Rendah




Rajah 4.39 menunjukkan seramai 37 orang (49.3%) responden bersetuju dengan pengaruh faktor diri individu iaitu aspek kesedaran dan motivasi diri dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu perniagaan. Diikuti pula 16 orang (21.3%) responden yang sangat bersetuju, 13 orang (17.3%) responden kurang bersetuju dan 6 orang (8%) responden tidak bersetuju. Seramai 3 orang (4%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju.

Rajah 4.40 : Gagal Memahami Keperluan Pelanggan Dalam Pasaran




Rajah 4.40 menunjukkan seramai 39 orang (52%) responden bersetuju bahawa kegagalan pemilik perniagaan dalam memahami keperluan pelanggan boleh mempengaruhi kegagalan perniagaan tersebut. Seramai 15 orang (20%) responden sangat bersetuju, 14 orang (18.7%) responden kurang bersetuju dan 5 orang (6.7%) responden tidak bersetuju. Seramai 2 orang (2.7%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju.

Rajah 4.41 : Tiada Kemahiran Mengenal Pasti, Menilai Dan Menyelesaikan Masalah




Tiada kemahiran dalam mengenal pasti, menilai dan menyelesaikan masalah juga dianggap sebagai salah satu punca kegagalan perniagaan. Rajah 4.41 menunjukkan seramai 37 orang (49.3%) responden bersetuju dengan pengaruh faktor tersebut. Diikuti seramai 16 orang (21.3%) responden kurang bersetuju, 14 orang (18.7%) responden sangat bersetuju dan 6 orang (8%) responden tidak bersetuju. Seramai 2 orang (2.7%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju.

Rajah 4.42 : Tidak Mendapat Bimbingan Daripada Pihak-pihak Tertentu Tentang Perniagaan.




Rajah 4.42 menunjukkan seramai 36 orang (48%) responden bersetuju bahawa kegagalan menyesuaikan diri dalam arus perubahan juga memainkan peranan dalam menentukan kejayaan / kegagalan perniagaan. Seramai 13 orang (17.3%) responden sangat bersetuju, 16 orang (21.3%) responden kurang bersetuju dan 9 orang (12%) responden tidak bersetuju. Hanya seorang (1.3%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju.

Rajah 4.43 : Tidak Mementingkan Strategi Perniagaan




Sesuatu perniagaan mungkin menemui kegagalan jika pemiliknya tidak mementingkan strategi perniagaan yang tepat. Rajah 4.43 menunjukkan seramai 34 orang (45.3%) responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Diikuti seramai 15 orang (20%) responden sangat bersetuju, 12 orang (16%) responden kurang bersetuju dan 11 orang (14.7%) responden tidak bersetuju. Seramai 3 orang (4%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju.

Rajah 4.44 : Gagal Merancang Dan Menetapkan Matlamat Perniagaan




Rajah 4.44 menunjukkan seramai 39 orang (52%) responden bersetuju dengan kepentingan aspek perancangan dan penetapan matlamat perniagaan yang baik. Diikuti seramai 16 orang (21.3%) responden sangat bersetuju, 10 orang (13.3%) responden kurang bersetuju dan 8 orang (10.7%) responden tidak bersetuju. Seramai 2 orang (2.7%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju.

Rajah 4.45 : Tidak Amanah Dan Bertanggungjawab Terhadap Diri Sendiri,
Perniagaan Dan Pelanggan




Rajah 4.45 menunjukkan seramai 29 orang (38.7%) responden sangat bersetuju bahawa tiadanya sifat amanah dan bertanggungjawab terhadap diri, perniagaan dan pelanggan adalah salah satu faktor kegagalan perniagaan. Diikuti seramai 17 orang (22.7%) responden bersetuju, 11 orang (14.7%) responden sangat tidak bersetuju dan 10 orang (13.3%) responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seramai 8 orang (10.7%) responden menyatakan kurang bersetuju.

Rajah 4.46 : Tidak Mengetahui Tentang Polisi-polisi Dan Peraturan Kerajaan




Rajah 4.46 menunjukkan seramai 40 orang (53.3%) responden bersetuju bahawa pengetahuan tentang peraturan dan polisi kerajaan yang berkaitan boleh menyebabkan kegagalan perniagaan mereka. Diikuti seramai 17 orang (22.7%) responden kurang bersetuju, 8 orang (10.7%) responden sangat bersetuju dan 7 orang (9.3%) responden tidak bersetuju. Seramai 3 orang (4%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju.

Rajah 4.47 : Tiada Ketahanan Diri Untuk Menghadapi Cabaran Perniagaan




Rajah 4.47 menunjukkan kebanyakan responden, iaitu 38 orang (50.7%) dan 14 orang (18.7%) sangat bersetuju bahawa ketiadaan atau kekurangan ketahanan diri dalam menghadapi cabaran boleh menyebabkan perniagaan gagal. 12 orang (16%) responden kurang bersetuju dan 6 orang (8%) responden sangat tidak bersetuju. Seramai 5 orang (6.7%) responden menyatakan tidak bersetuju.

Rajah 4.48 : Gagal Bertindak Terhadap Cadangan Dan Kritikan Yang Diterima




Rajah 4.48 menunjukkan seramai 33 orang (44%) responden bersetuju bahawa kegagalan bertindak ke atas cadangan dan kritikan yang diterima juga adalah salah satu punca gagalnya perniagaan. Diikuti seramai 19 orang (25.3%) responden kurang bersetuju, 12 orang (16%) responden sangat bersetuju dan 8 orang (10.7%) responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seramai 3 orang (4%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju.

Rajah 4.49 : Tiada Kesungguhan, Azam Dan Ketekunan Dalam
Menjalankan Perniagaan



Rajah 4.49 menunjukkan kebanyakan responden (32 orang /42.7% dan 18 orang / 24%) sangat bersetuju dan bersetuju dengan kenyataan bahawa ketiadaan kesungguhan, keazaman dan ketekunan dalam menjalankan perniagaan boleh menyebabkan perniagaan menemui kegagalan. 11 orang (14.7%) responden kurang bersetuju dan 8 orang (10.7%) responden tidak bersetuju. Seramai 6 orang (8%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju.

Rajah 4.50 : Mempunyai Persepsi Negatif Terhadap Cabaran



Rajah 4.50 menunjukkan seramai 30 orang (40%) responden bersetuju bahawa persepsi yang negatif terhadap cabaran yang diterima adalah faktor kegagalan sesuatu perniagaan. Seramai 16 orang (21.3%) responden sangat bersetuju, 15 orang (20%) responden kurang bersetuju dan 10 orang (13.3%) responden tidak bersetuju. Hanya 4 orang (5.3%) responden menyatakan sangat tidak bersetuju.

4.2.6 Bahagian F: Masalah-masalah Yang Dihadapi

4.2.6.1 Masalah Semasa Memulakan Perniagaan

Sebanyak 15 soalan dikemukakan kepada responden untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh mereka semasa memulakan dan mengendalikan perniagaan. Bahagian ini menggunakan item ya dan tidak sebagai pilihan jawapan. Data yang diperoleh adalah seperti berikut :

Jadual 4.2 : Masalah-masalah Yang Dihadapi Semasa Memulakan Perniagaan

Bil.	Masalah-masalah yang dihadapi	Ya		Tidak	
		Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Masalah tenaga buruh	28	37.3	47	62.7
2.	Masalah kewangan	61	81.3	14	18.7
3.	Masalah kekurangan modal pusingan	59	78.7	16	21.3
4.	Masalah mendapatkan bekalan	21	28	54	72
5.	Masalah kekurangan pengetahuan	47	62.7	28	37.3
6.	Masalah pemasaran	49	65.3	26	34.7
7.	Masalah mendapatkan pinjaman daripada pihak kerajaan	57	76	18	24
8.	Masalah mendapatkan pinjaman daripada pihak swasta	48	64	27	36
9.	Masalah pengurusan dan	35	46.7	40	53.3

	pentadbiran				
10.	Masalah hubungan dengan pembekal	24	32	51	68
11.	Masalah pengeluaran	34	45.3	41	54.7
12.	Masalah mendapatkan khidmat nasihat tentang perniagaan	41	54.7	34	45.3
13.	Masalah hubungan dengan pelanggan	17	22.7	58	77.3
14.	Masalah kredit daripada pembekal	30	40	45	60
15.	Masalah pembahagian masa antara keluarga dan perniagaan	30	40	45	60

Berdasarkan Jadual 4.2 di atas, didapati masalah-masalah utama yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal semasa memulakan perniagaan mereka adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek kewangan. Ini dapat dilihat dari bilangan mereka yang menghadapi masalah adalah seramai 61 orang (81.3%) . Ini diikuti seramai 59 orang (78.8%) responden menghadapi masalah kekurangan modal pusingan. Masing-masing 57 orang (76%) dan 48 orang (64%) responden menghadapi masalah mendapatkan pinjaman daripada pihak kerajaan.

Seramai 49 orang (65.3%) responden pula menyatakan menghadapi masalah dalam memasarkan produk mereka. 47 orang (62.7%) responden menyatakan bahawa pengetahuan yang mereka miliki dalam bidang perniagaan juga terhad dan ia merupakan satu kelemahan mereka semasa mula-mula menceburkan diri dalam perniagaan.

Majoriti responden tidak menghadapi masalah-masalah dalam mendapatkan tenaga buruh iaitu 47 orang (62.7%), mendapatkan bekalan 54 orang (72%), berhubung dengan pembekal 51 orang (68%), berhubung dengan pelanggan 58 orang (77.3%), mendapatkan kredit daripada pembekal 45 orang (60%) dan membahagikan masa antara keluarga dan perniagaan 45 orang (60%).

Bilangan responden yang menghadapi dan tidak menghadapi masalah pengurusan dan pentadbiran adalah tidak jauh beza iaitu hanya 5 orang (6.6%). Begitu juga dengan masalah pengeluaran di mana beza responden yang menghadapi dan tidak menghadapinya hanya 7 orang (9.4%). Seterusnya bagi masalah mendapatkan khidmat nasihat tentang perniagaan perbezaannya juga tidak begitu ketara. Hanya 41 orang (54.7%) responden menghadapi kesukaran tersebut dan selebihnya tidak menghadapinya.

4.2.6.2 Masalah Semasa Mengendalikan Perniagaan

Item-item yang sama dikemukakan untuk mengenal pasti sama ada masalah yang serupa dihadapi oleh responden semasa mereka mengendalikan perniagaan mereka.

Jadual 4.3 : Masalah-masalah Yang Dihadapi Semasa Mengendalikan Perniagaan

Bil.	Masalah-masalah yang dihadapi	Ya		Tidak	
		Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Masalah tenaga buruh	15	20	60	80
2.	Masalah kewangan	43	57.3	32	42.7
3.	Masalah kekurangan modal pusingan	45	60	30	40
4.	Masalah mendapatkan bekalan	14	18.7	61	81.3
5.	Masalah kekurangan pengetahuan	15	20	60	80
6.	Masalah pemasaran	19	25.3	56	74.7
7.	Masalah mendapatkan pinjaman daripada pihak kerajaan	45	60	30	40
8.	Masalah mendapatkan pinjaman daripada pihak swasta	32	42.7	43	57.3
9.	Masalah pengurusan dan pentadbiran	18	24	57	76
10.	Masalah hubungan dengan pembekal	10	13.3	65	86.7
11.	Masalah pengeluaran	13	17.3	62	82.7
12.	Masalah mendapatkan khidmat nasihat tentang perniagaan	22	29.3	53	70.7
13.	Masalah hubungan dengan pelanggan	8	10.7	67	89.3
14.	Masalah kredit daripada pembekal	19	25.3	56	74.7
15.	Masalah pembahagian masa antara keluarga dan perniagaan	15	20	60	80

Jadual 4.3 menunjukkan jenis-jenis dan peratus masalah yang dihadapi oleh responden semasa mengendalikan perniagaan. Didapati jumlah dan peratusan responden yang menghadapi masalah kekurangan modal pusingan dan masalah mendapatkan pinjaman daripada pihak kerajaan adalah sama iaitu seramai 45 orang (60%) responden. Seramai 43 orang (57.3%) responden menghadapi masalah kewangan, 32 orang (42.7%) responden menghadapi masalah mendapatkan pinjaman daripada pihak swasta dan seramai 22 orang (29.3%) responden menghadapi masalah mendapatkan khidmat nasihat perniagaan.

Seterusnya jumlah dan peratusan responden yang menghadapi masalah pemasaran dan masalah kredit daripada pembekal adalah sama iaitu seramai 19 orang (25.3%) responden. Seramai 18 orang (24%) responden menghadapi masalah pengurusan dan pentadbiran manakala jumlah dan peratusan responden yang menghadapi masalah tenaga buruh, masalah kekurangan pengetahuan dan masalah pembahagian masa antara keluarga dan perniagaan adalah sama iaitu seramai 15 orang (20%) responden.

Akhir sekali, seramai 14 orang (18.7%) responden menghadapi masalah mendapatkan bekalan, 13 orang (17.3%) responden menghadapi masalah pengeluaran dan seramai 10 orang (13.3%) responden menghadapi masalah hubungan dengan pembekal. Seramai 8 orang (10.7%) responden menghadapi masalah hubungan dengan pelanggan.

4.3 Analisis Bivariate

Bahagian ini akan membentangkan dapatan kajian dalam bentuk hubungan. Oleh yang demikian, kaedah korelasi spearman digunakan untuk melihat hubungan di antara elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi dengan kejayaan dan kegagalan ibu tunggal dalam perniagaan.

Jadual 4.4 : Hubungan Korelasi Di antara Elemen Persekitaran, Elemen Individu Dan Elemen Motivasi Dengan Kejayaan Ibu Tunggal Dalam Perniagaan

Item	Kejayaan
Elemen Persekitaran	0.377 p = 0.01
Elemen Individu	0.489 p = 0.01
Elemen Motivasi	0.623 p = 0.01

p signifikan pada aras 0.01

Jadual 4.4 menunjukkan analisis hubungan korelasi di antara elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi dengan kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan. Didapati ketiga-tiga elemen tersebut mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejayaan ibu tunggal. Nilai korelasi 0.377 yang diperolehi bagi hubungan di antara elemen persekitaran dengan kejayaan menunjukkan korelasi adalah pada tahap yang rendah dengan aras signifikan 0.01.

Manakala nilai hubungan korelasi yang wujud di antara elemen individu dan elemen motivasi dengan kejayaan ibu tunggal adalah 0.489 dan 0.623. Ini menunjukkan hubungan yang wujud di antara kedua-dua pemboleh ubah adalah sederhana pada aras signifikan 0.01.

Keputusan ini membawa maksud bahawa secara statistiknya nilai pekali korelasi (p) adalah berbeza daripada kosong. Dengan demikian, kesimpulan yang boleh dibuat adalah terdapat hubungan di antara elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi dengan kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan.

Jadual 4.5 : Hubungan Korelasi Di antara Elemen Persekitaran, Elemen Individu Dan Elemen Motivasi Dengan Kegagalan Ibu Tunggal Dalam Perniagaan

Item	Kegagalan
Elemen Persekitaran	0.223 $p = 0.01$
Elemen Individu	0.847 $p = 0.01$
Elemen Motivasi	0.940 $p = 0.01$

p signifikan pada aras 0.01

Jadual 4.5 menunjukkan analisis hubungan korelasi di antara elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi dengan kegagalan ibu tunggal dalam bidang perniagaan. Didapati ketiga-tiga elemen tersebut mempunyai hubungan yang signifikan dengan kegagalan ibu tunggal. Nilai korelasi 0.223 yang diperoleh bagi hubungan di antara elemen persekitaran

dengan kegagalan menunjukkan korelasi adalah pada tahap yang rendah dengan aras signifikan 0.01.

Nilai korelasi yang wujud di antara elemen individu dan elemen motivasi dengan kegagalan ibu tunggal adalah 0.847 dan 0.940. Ini menunjukkan hubungan yang wujud di antara kedua-dua pemboleh ubah adalah tinggi dan sangat tinggi pada aras signifikan 0.01.

Keputusan ini membawa maksud bahawa secara statistiknya nilai pekali korelasi (ρ) adalah berbeza daripada kosong. Dengan demikian, kesimpulan yang boleh dibuat adalah terdapat hubungan di antara elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi dengan kegagalan ibu tunggal dalam bidang perniagaan.

BAB V

KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan hasil kajian yang diperolehi berdasarkan kepada persoalan kajian yang telah dibentuk dalam Bab I. Oleh yang demikian, pelbagai jadual dan rajah yang dinyatakan dalam Bab IV akan di rujuk semula dalam bab ini.

5.2 Profail perniagaan ibu tunggal di negeri Johor

Majoriti responden menjalankan perniagaan secara perseorangan dan terlibat dalam perniagaan makanan dan minuman iaitu seramai 33 orang (44%) dan diikuti dengan perniagaan yang lain seperti menjual kain dan pakaian, kedai runcit, jualan langsung, hasil pertanian dan bidang-bidang lain. Ini pada dasarnya memandangkan golongan ibu tunggal ini

menceburkan diri dalam bidang perniagaan berpandukan kepada pengetahuan dan kemahiran asas yang dimiliki oleh mereka dalam menguruskan keluarga seperti bidang masakan.

Majoriti responden mempunyai pengalaman selama 10 tahun dan ke atas dalam bidang perniagaan yang diceburi. Kebanyakan ibu tunggal menceburi bidang perniagaan yang berkaitan dengan pengalaman dan kemahiran yang dimiliki oleh mereka. Walau bagaimanapun terdapat ibu tunggal yang berani menceburkan diri dalam bidang perniagaan walaupun mereka tidak mempunyai sebarang pengalaman dalam bidang tersebut.

Majoriti responden mempunyai bilangan pekerja yang sedikit (1 hingga 2 orang) dan kebanyakan responden mengatakan bahawa modal permulaan mereka adalah di antara RM 1000 dan ke bawah dan ianya diperolehi melalui hasil wang simpanan mereka sendiri. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan ibu tunggal memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dan bergantung kepada wang yang dimiliki oleh mereka untuk dijadikan modal permulaan. Modal yang sedikit semasa memulakan perniagaan ini mengukuhkan lagi kenyataan bahawa sebahagian besar daripada ibu tunggal melibatkan diri dalam bidang perniagaan disebabkan oleh faktor desakan hidup dan tanggungjawab untuk menyara anak-anak.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada ibu tunggal memulakan perniagaan dengan menggunakan wang simpanan sendiri. Kajian menunjukkan hanya seorang responden sahaja yang memulakan perniagaan dengan membuat pinjaman daripada rakan mereka. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan daripada ibu tunggal memulakan perniagaan dengan menggunakan modal sendiri walaupun wang simpanan mereka tidak banyak untuk dijadikan modal. Ini memberikan gambaran bahawa kebanyakan daripada ibu tunggal merupakan individu yang boleh berdikari dan berusaha sendiri.

Majoriti responden memperolehi pendapatan bersih sebulan di antara RM 500 dan ke bawah serta mengendalikan sendiri kira-kira / akaun perniagaan mereka. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan ibu tunggal menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan sahaja dan pendapatan yang diperolehi hanya cukup untuk menampung kehidupan mereka.

Akhir sekali, majoriti ibu tunggal tidak pernah menerima sebarang nasihat atau pertolongan daripada pihak-pihak yang terlibat dan menyatakan bahawa purata masa yang digunakan untuk berniaga dalam sehari adalah di antara 6 hingga 10 jam.

5.3 Persepsi responden terhadap tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan di negeri Johor

Majoriti responden mempersepsikan tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan secara keseluruhannya pada tahap tinggi. Kebanyakan responden bersetuju bahawa ramai ibu tunggal yang terlibat dalam bidang keusahawanan pada masa kini bagi menampung kehidupan seharian. Penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan dilihat berdasarkan tiga elemen iaitu elemen persekitaran, elemen motivasi dan elemen individu. Kebanyakan responden merasakan tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan daripada elemen persekitaran berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa faktor persekitaran merupakan antara faktor yang boleh mendorong penglibatan usahawan ibu tunggal menceburi bidang perniagaan. Faktor persekitaran seperti menerima galakan daripada keluarga, galakan kerajaan, mendapat pendedahan dalam bidang perniagaan, menerima

rangsangan daripada penglibatan orang lain dan berniaga akan menyebabkan mereka mempunyai lebih banyak masa untuk diri sendiri dan keluarga.

Majoriti responden merasakan tahap penglibatan ibu tunggal berdasarkan elemen individu juga berada pada tahap yang tinggi. Faktor individu seperti desakan hidup merupakan antara faktor yang mendorong penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan. Selain itu modal yang mencukupi, pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi, keinginan untuk mendapatkan wang yang lebih, simpanan yang lebih tinggi merupakan antara faktor-faktor yang menggalakkan penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan. Walau bagaimanapun kebanyakan responden bersetuju bahawa elemen motivasi yang mengandungi faktor-faktor seperti minat, keinginan hidup berdikari, keinginan untuk mencapai cita-cita, keinginan untuk menjadi bos dan tanggapan bahawa berniaga adalah sumber pendapatan yang terjamin adalah faktor-faktor yang paling penting dalam mempengaruhi penglibatan mereka dalam bidang perniagaan. Ini menunjukkan bahawa elemen motivasi merupakan antara elemen penting yang boleh menggalakkan penglibatan ibu tunggal untuk menceburi bidang perniagaan.

5.4 Persepsi responden terhadap tahap kejayaan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan di negeri Johor

Hasil kajian menunjukkan majoriti responden mengatakan tahap kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan berada pada tahap tinggi iaitu sebanyak 93.3%. Dapatan ini memperlihatkan bahawa kebanyakan daripada responden merasakan bahawa ibu tunggal yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan akan berjaya dalam perniagaan mereka. Persepsi responden terhadap faktor kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan dari elemen pengetahuan, strategi perniagaan, persekitaran dan sikap. Majoriti responden bersetuju bahawa keempat-empat elemen tersebut merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan. Ini dilihat apabila kebanyakan responden mengatakan tahap kejayaan ibu tunggal berdasarkan keempat-empat elemen ini berada pada tahap yang tinggi.

Kajian menunjukkan bahawa elemen persekitaran dan sikap merupakan antara faktor penting yang membawa kepada kejayaan ibu tunggal dalam bidang perniagaan apabila kesemua responden mengatakan ia berada pada tahap yang tinggi. Bagi ibu-ibu tunggal, faktor ilmu pengetahuan yang tinggi bukan menjadi kayu ukur kepada kejayaan mereka dalam bidang perniagaan. Apa yang penting sikap, keinginan serta usaha yang bersungguh-sungguh yang menentukan jatuh bangunnya perniagaan mereka. Ini ditambah dengan faktor persekitaran yang boleh menyumbang kepada kekuatan semangat untuk berjaya dalam hidup walaupun terpaksa menempuh pelbagai dugaan, rintangan dan kesusahan hidup bersendirian sebagai ibu tunggal dan ketua keluarga.

5.5 Faktor-faktor yang mempengaruhi kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan di negeri Johor

Majoriti responden bersetuju bahawa setiap item yang disenaraikan mempengaruhi kegagalan mereka dalam perniagaan. Ini ditunjukkan oleh jumlah dan peratusan responden yang bersetuju menunjukkan nilai angka yang tinggi terhadap setiap pernyataan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, faktor kekurangan pengetahuan tentang teknik-teknik penjualan dan pemasaran adalah faktor terpenting yang boleh mempengaruhi kegagalan perniagaan tersebut dengan nilai min iaitu 3.88. Antara faktor lain ialah tiada keyakinan diri, tidak mengendalikan perniagaan dengan baik, tiada kemahiran membuat keputusan, mudah berputus asa, tidak mempunyai pengetahuan berkaitan strategi pemasaran, gagal menimbang dan menilai peluang perniagaan yang ada, tiada hubungan yang baik dengan ahli profesional, gagal menggunakan idea yang ada, motivasi diri yang rendah, tidak memahami keperluan pelanggan, tiada kemahiran menyelesaikan masalah, tidak mendapat bimbingan daripada pihak-pihak tertentu tentang perniagaan, tidak mementingkan strategi perniagaan, gagal merancang matlamat perniagaan, tidak amanah dan mengetahui polisi kerajaan, tiada ketahanan diri dalam menghadapi cabaran, gagal bertindak terhadap kritikan yang diterima, tiada kesungguhan dan persepsi yang negatif terhadap cabaran.

5.6 Masalah-masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal semasa memulakan perniagaan dan semasa mengendalikan perniagaan

Majoriti responden menghadapi masalah kewangan di awal penglibatan mereka dalam perniagaan. Ini diikuti oleh masalah kekurangan modal pusingan dan masalah untuk mendapatkan pinjaman daripada pihak kerajaan. Ketiga-tiga masalah ini menunjukkan jumlah dan peratusan yang tertinggi berbanding masalah-masalah lain yang turut dihadapi oleh responden. Dapatan ini menunjukkan bahawa masalah kewangan merupakan antara faktor utama yang dihadapi oleh responden semasa memulakan perniagaan mereka. Walau bagaimanapun kajian menunjukkan bahawa responden kurang berhadapan dengan masalah hubungan dengan pelanggan dan pembekal.

Majoriti responden menghadapi masalah kekurangan modal pusingan dan masalah mendapatkan pinjaman daripada pihak kerajaan semasa mengendalikan perniagaan mereka. Ini diikuti oleh masalah kewangan. Ketiga-tiga masalah ini menunjukkan jumlah dan peratusan yang tinggi berbanding masalah-masalah lain. Ini menunjukkan bahawa masalah kekurangan modal pusingan dan masalah mendapatkan pinjaman daripada kerajaan masih lagi merupakan masalah utama responden semasa mengendalikan perniagaan mereka. Hubungan dengan pelanggan dan pembekal masih lagi tidak menjadi masalah kepada responden dalam mengendalikan perniagaan mereka.

5.7 Hubungan di antara faktor persekitaran, faktor individu dan faktor motivasi dengan kejayaan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor persekitaran, faktor individu dan faktor motivasi dengan kejayaan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan. Ini bermakna, ketiga-tiga faktor tersebut mempengaruhi kejayaan yang dicapai oleh ibu tunggal dalam bidang keusahawanan yang diceburi. Hasil daripada kajian ini juga mendapati faktor motivasi dan faktor individu mempunyai hubungan yang berada pada tahap sederhana dalam mempengaruhi kejayaan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan manakala faktor persekitaran berada pada tahap yang rendah.

5.8 Hubungan di antara elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi dengan kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif di antara elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi dengan kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan. Hasil kajian juga mendapati faktor persekitaran kurang mempengaruhi kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan apabila hasil analisis menunjukkan ia berada pada tahap yang rendah. Faktor individu dan faktor motivasi didapati amat mempengaruhi kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan apabila hasil analisis menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi.

5.9 Perbincangan Hasil Kajian

Berdasarkan kesimpulan di atas, beberapa isu telah dan perlu dibincangkan lebih lanjut seperti di bawah ;

Kajian ini mendapati bahawa latar belakang ibu tunggal bukanlah satu faktor yang kuat dalam mempengaruhi keputusan mereka untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Ini kerana bilangan responden yang berlatar belakangkan keluarga peniaga dan bukan keluarga peniaga tidak jauh berbeza. Oleh itu faktor latar belakang keluarga sebagai penentu kepada kerjaya seseorang tidak dapat dirumuskan dalam kajian ini dan ini bertentangan dengan apa yang dinyatakan oleh pengkaji lain seperti Humam (1995) dan Orhan dan Scott (2001).

Walau bagaimanapun, penglibatan wanita dalam bidang perniagaan lebih menjurus kepada faktor desakan hidup (Orhan dan Scott , 2001) mungkin relevan dengan kes-kes ibu tunggal dalam kajian ini. Didapati bahawa kebanyakan daripada responden menjadi ibu tunggal kerana kematian suami dan majoriti daripada mereka juga tidak mempunyai sebarang pekerjaan sebelum mereka berniaga. Maklumat ini boleh ditafsirkan bahawa ibu-ibu tunggal ini terpaksa, atas kesempitan hidup, berniaga kerana suami mereka yang dahulunya adalah pencari rezeki tunggal dalam keluarga sudah tiada lagi dan ini bermakna punca pendapatan keluarga telah hilang. Oleh itu, mereka terpaksa berniaga untuk mendapatkan sumber rezeki bagi menampung kehidupan harian dan perbelanjaan persekolahan anak-anak.

Faktor di atas boleh juga dikaitkan dengan jenis perniagaan yang diceburi oleh ibu-ibu tunggal iaitu kebanyakannya jenis perseorangan dan berniaga makanan / minuman. Tanpa sebarang pengalaman bekerja, modal yang kecil serta tanpa kemahiran keusahawanan yang

lain menjadikan perniagaan makanan dan minuman secara bersendirian adalah satu-satunya perkara yang mereka tahu. Ia juga mungkin merupakan jalan yang paling mudah untuk mencari pendapatan. Faktor anak-anak yang masih kecil dan sedang bersekolah juga perlu diambil kira dalam keputusan mereka untuk menjalankan perniagaan seumpama ini. Ibu-ibu tunggal ini boleh berniaga dan pada masa yang sama menjaga anak-anak. Dapatan kajian ini juga boleh dikaitkan dengan faktor latar belakang ibu tunggal yang sebelum ini tidak bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa. Apabila kematian suami atau berlaku perceraian, kesukaran untuk mendapatkan sebarang pekerjaan ditambah dengan tidak mempunyai pengalaman dalam bidang pekerjaan boleh mendorong ibu tunggal melibatkan diri dalam bidang perniagaan walaupun secara kecil-kecilan.

Jika dilihat dari aspek faktor-faktor kejayaan ibu tunggal, secara amnya, hasil kajian ini sejajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh Lounsbury dan Glynn (2001) apabila responden bersetuju dengan kepentingan strategi perniagaan dan aspek pemasaran dalam menyumbang kepada kejayaan perniagaan mereka. Sebagai usahawan, ibu-ibu tunggal ini perlu mengekalkan hubungan baik dengan masyarakat supaya produk atau perkhidmatan yang ditawarkan diterima dan bertepatan dengan pasaran semasa dan sekali gus kejayaan mereka dalam bidang keusahawanan.

Faktor sikap ibu tunggal juga memainkan peranan penting dalam aspek keusahawanan mereka. Kajian mendapati bahawa elemen motivasi seperti minat, keinginan menjadi bos dan hidup mewah serta untuk mencapai cita-cita adalah salah satu faktor dalam mempengaruhi penglibatan mereka dalam perniagaan. Dapatan ini juga adalah selaras dengan apa yang dinyatakan oleh pengkaji lain (Tee Kee Pei, 2000). Kepentingan faktor sikap seseorang diperkuatkan lagi apabila responden mengakui bahawa sikap yang positif seperti

kuat berusaha, amanah dan bertanggungjawab boleh menyumbang kepada kejayaan perniagaan mereka dan jika aspek-aspek ini diabaikan ia boleh menyumbang kepada kegagalan perniagaan tersebut.

Faktor-faktor kegagalan perniagaan yang ditemui dalam kajian ini seperti tiada kesungguhan, keazaman dan ketekunan ketika berniaga dan lain-lain faktor yang telah dibincangkan adalah sejajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh Zimmerer dan Sacroborough (1998) mengenai kriteria usahawan berjaya. Antara ciri-ciri usahawan berjaya adalah mereka melakukan perancangan yang sistematik, berinisiatif tinggi, komited dan bersifat oportunistik. Pengurusan perniagaan yang cekap juga adalah penting dan merupakan salah satu faktor kejayaan (Hamidin, 1999). Walau bagaimanapun, kegagalan mengaplikasikan pengurusan perniagaan yang baik adalah antara masalah utama usahawan IKS terutamanya usahawan bumiputera (Raziana, 1999).

Seperti kajian-kajian lain yang melibatkan industri kecil dan sederhana (IKS), aspek kewangan masih lagi menjadi isu utama dalam kajian ini. Kajian mendapati bahawa ibu-ibu tunggal menghadapi masalah kewangan sebelum dan semasa mereka menjalankan perniagaan seperti kekurangan modal permulaan dan modal pusingan, kesulitan mendapatkan pinjaman daripada pihak kerajaan mahupun swasta, mendapatkan kredit dari pembekal dan lain-lain masalah yang berkaitan. Sumber kewangan adalah satu daripada sumber utama dalam keusahawanan selain daripada sumber teknologi, keintelektualan, sumber manusia dan sumber segi sosial (Lounsbury dan Glynn, 2001) dan jika masalah kewangan ini tidak diselesaikan ia boleh menyebabkan perniagaan tersebut menemui kegagalan (Lussuer dalam Rohaizat, 2000).

Masalah pengurusan dan kewangan contohnya boleh diselesaikan atau diminimumkan jika ibu-ibu tunggal ini mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak-pihak yang berkaitan terutamanya pihak kerajaan di bawah pelbagai program seperti Program Ibu Tunggal Waja, Skim Pembiayaan Khas Ibu Tunggal (SKIT), Skim Bantuan Khas Untuk Usahawan Wanita dan program-program lain yang dinaungi oleh pelbagai kementerian seperti Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Perkhidmatan seperti ini boleh dikategorikan di bawah sumber institusi dan ia merupakan salah satu dari sumber utama ke arah proses budaya keusahawanan (Lounsbury dan Glynn, 2001).

Walaupun terdapat pelbagai sokongan dan bantuan yang disediakan oleh kerajaan, malangnya peratus ibu tunggal yang menggunakan perkhidmatan ini amat sedikit. Kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran ibu-ibu tunggal terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan adalah rendah. Ramai yang tidak tahu tentang kewujudan bantuan tersebut dan tidak mendapatkan khidmat nasihat sama ada sebelum memulakan atau semasa memulakan perniagaan mereka dan tidak pernah mengikuti apa-apa latihan atau kursus keusahawanan. Dapatan ini tidak seperti yang didapati oleh Carter (2000) yang menyatakan bahawa penglibatan dan pengalaman golongan wanita dalam bidang perniagaan banyak dipengaruhi oleh latihan dan bimbingan yang disediakan oleh kerajaan dan agensi-agensi tertentu. Dalam konteks kajian ini, perkara tersebut mungkin berlaku disebabkan beberapa faktor seperti tahap pendidikan golongan ibu tunggal yang agak sederhana (majoritinya berpendidikan sekolah menengah) serta saiz perniagaan mereka yang kecil dan bersifat perseorangan. Mungkin ada di antara ibu tunggal yang berpendapat bahawa teknik pengurusan dan pemasaran yang betul tidak begitu penting untuk saiz perniagaan mereka yang tidak seberapa.

5.10 Rumusan

Berdasarkan hasil analisis yang telah dikemukakan, secara keseluruhannya didapati bahawa persepsi responden terhadap tahap penglibatan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan di negeri Johor adalah tinggi. Ia dipengaruhi oleh tiga elemen utama iaitu elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi. Pada masa yang sama tahap kejayaan mereka juga adalah tinggi. Ia dipengaruhi oleh empat elemen utama iaitu elemen pengetahuan, elemen strategi perniagaan, elemen persekitaran dan elemen sikap. Melihat kepada keadaan ini, satu ujian korelasi telah dijalankan untuk melihat hubungan yang wujud di antara elemen persekitaran, elemen individu dan elemen motivasi dengan kejayaan dan kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan. Hasilnya menunjukkan terdapat satu hubungan yang positif di antara ketiga-tiga elemen tersebut dengan kejayaan serta kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan.

Beberapa isu yang timbul dari kajian ini adalah pertamanya, aspek kewangan adalah masalah utama dalam perniagaan ibu-ibu tunggal. Kedua, faktor sikap individu ibu tunggal memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penglibatan, kejayaan dan kegagalan mereka dalam bidang perniagaan. Ketiga, tahap pendedahan dan penggunaan bantuan yang disediakan oleh kerajaan adalah rendah. Keempat, aspek pengurusan perniagaan yang cekap dan betul boleh menyumbang ke arah kemajuan dan kejayaan perniagaan mereka jika diaplikasikan dengan baik.

BAB VI

CADANGAN

6.1 Pengenalan

Dapatan kajian perlu dikemukakan dan dibincangkan agar ia dapat memberi panduan kepada ibu tunggal dan pihak-pihak yang terlibat untuk memperbaiki pencapaian ibu tunggal dalam bidang keusahawanan. Berdasarkan rumusan yang telah dibuat, pengkaji telah mengenal pasti beberapa bentuk cadangan yang perlu dikemukakan.

6.2 Usahawan Ibu Tunggal

6.2.1 Menganggotai Persatuan Peniaga Atau Penjaja

Golongan ibu tunggal yang terlibat dalam perniagaan perlu menganggotai secara aktif mana-mana persatuan peniaga atau penjaja. Langkah ini penting bagi memastikan mereka

sentiasa menerima maklumat-maklumat terkini berkaitan dunia perniagaan. Sama ada Persatuan Ibu Tunggal Negeri Johor yang ditubuhkan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau oleh kerajaan negeri dan pusat, Persatuan Usahawan Wanita Negeri Johor, Dewan Perniagaan Melayu Johor dan sebagainya adalah penting bagi mereka mempunyai kesedaran bahawa nasib mereka akan mudah diperjuangkan secara berkumpulan berbanding secara individu. Tambahan pula kerajaan sentiasa membuka peluang yang amat luas kepada mana-mana persatuan atau pertubuhan dalam memberi keutamaan bagi kebanyakan permohonan perniagaan yang melibatkan keperluan modal teroka, modal pengembangan, latihan kemahiran, premis-premis perniagaan. Jika ibu-ibu tunggal sedar perkembangan semasa dan kepentingan hidup dan bergerak secara berpersatuan maka banyak masalah yang dihadapi dapat disalurkan kepada mana-mana agensi kerajaan atau swasta yang berkaitan.

Pendedahan pelbagai maklumat perniagaan dan peluang-peluang baru mengenainya juga mudah diakses dan disalurkan menerusi persatuan yang bertindak sebagai badan yang menaungi aktiviti perniagaan dan pergerakan mereka boleh dipantau dari semasa ke semasa secara lebih bersistematik lagi. Permohonan yang disokong oleh persatuan biasanya lebih mendapat perhatian kerana kerajaan lebih yakin dengan cadangan dari persatuan yang mengambil kira pandangan, pendapat dan kepentingan banyak ahli berbanding jika ianya dilakukan secara individu.

Peluang-peluang memasuki tender kerajaan biasanya dibuka kepada bumiputera dan jika ianya daripada persatuan yang mempunyai maklumat lengkap mengenai latar belakang perusahaan atau perniagaan yang diceburi oleh ahli-ahlinya seperti Persatuan Usahawan Ibu Tunggal maka adalah lebih mudah dan berpotensi untuk mendapat tender tersebut seperti

yang dilakukan oleh Pertubuhan Peladang, Persatuan Bekas Perajurit dan pelbagai persatuan lagi. Pendedahan mengenai maklumat dan manfaat menganggotai mana-mana persatuan perniagaan perlu disampaikan kepada individu tunggal terutama bagi mereka yang terlibat dalam bidang keusahawanan di seluruh negara. Mungkin pendedahan maklumat ini tidak sampai kepada mereka di mana ia memerlukan satu kajian lain dan ianya tidak dibincangkan menerusi kajian ini.

6.2.2 Meningkatkan Ilmu Pengetahuan Dan Kemahiran Dalam Bidang Perniagaan

Ibu tunggal perlu berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perniagaan. Ini boleh dilakukan dengan mengikuti kursus-kursus secara formal yang ditawarkan di institusi-institusi latihan kerajaan dan swasta atau pun secara tidak formal dengan menghadiri seminar, ceramah dan konvensyen keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang berkaitan. Usahawan ibu tunggal juga perlu peka dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa. Ini boleh didapati melalui meningkatkan pengetahuan mereka tentang peluang-peluang perniagaan yang wujud di sekeliling mereka. Mereka juga perlu mengetahui dan mengikuti pelbagai skim bantuan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian dan lain-lain agensi kerajaan yang terlibat.

Perkembangan ekonomi masa kini yang menyaksikan perubahan begitu drastik dalam strategi perniagaan dan pemasaran memerlukan usahawan ibu tunggal mempersiapkan dan merekayasa diri mereka supaya duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan usahawan lain. Perkembangan ekonomi menerusi k-ekonomi, e-knowledge, pemasaran menerusi maya adalah merupakan contoh pembaharuan yang perlu diketahui dan dipelajari oleh usahawan ibu tunggal. Rempuhan arus globalisasi tidak mengenal erti status ibu tunggal atau sebaliknya dan adalah menjadi satu tanggungjawab bagi mereka menghadapi rempuhan tersebut dengan memperkayakan khazanah ilmu pengurusan perniagaan, mempelbagaikan teknik pengeluaran dan pemasaran, memperkukuhkan jaringan perniagaan, proaktif dalam meneroka peluang perniagaan baru, mengutamakan kualiti produk dan perkhidmatan yang ditawarkan agar tidak kecundang dalam bidang perniagaan yang diceburi atau berada dalam lingkaran rancangan mereka yang belum sempat dilaksanakan. Status ibu tunggal sudah pasti bukan menjadi batu penghalang untuk maju dan berkembang atau ia menjadi tiket meminta simpati sepanjang masa tanpa dapat membuktikan kemampuan dan kredibiliti mereka untuk bergelar sebagai usahawan yang berjaya.

6.2.3 Meningkatkan Motivasi Diri

Golongan ibu tunggal yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan perlu berusaha meningkatkan motivasi diri mereka sendiri dari semasa ke semasa. Ini penting kerana dengan motivasi diri yang rendah, usahawan akan lebih mudah dan cepat menghadapi kegagalan. Pepatah negatif seperti 'rezeki secupak tidak akan jadi segantang, angan-angan Mat Jenin'

perlu dipinggirkan daripada kamus pemikiran ibu tunggal yang ingin berjaya dalam bidang perniagaan. Usaha yang diiringi dengan doa dan ketabahan bakal membuahkan kejayaan dan ia perlu dilakukan secara berterusan tanpa mengenal erti penat jemu dan mengalah sebelum berjuang. Banyak contoh kejayaan usahawan yang cemerlang pada hari ini adalah bangun daripada kejatuhan yang pernah dialami suatu masa dahulu. Tetapi semangat juang dan tidak pernah putus asa membuatkan mereka tidak serik untuk terus berkecimpung dalam dunia perniagaan dan akhirnya menjadi usahawan terbilang.

Banyak usahawan yang berjaya boleh dijadikan idola mereka sama ada daripada kalangan usahawan tempatan mahu pun daripada luar negara misalnya Bill Gates dengan Microsoft, Akio Morita dengan Sony dan Colonel Sanders dengan Kentucky Fried Chicken. Pelbagai kursus dan seminar boleh dihadiri oleh ibu tunggal untuk mengikuti teknik memotivasikan diri mereka yang dianjurkan oleh kerajaan dan swasta di negara ini. Namun motivasi diri sahaja tidak mencukupi jika tidak disusuli dengan usaha gigih meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang yang diperlukan untuk menjadi usahawan wanita yang berjaya. Perasaan rendah diri, malu bertanya dan mencari ilmu perlu ditinggalkan dengan mengubah paradigma pemikiran dan tindakan sejajar dengan keperluan kepesatan kemajuan ekonomi dan teknologi masa kini. Jika mereka alpa, bermakna mereka akan terus tercicir dalam persaingan sengit yang tidak mengenal status gender dan perkahwinan.

6.2.4 Merujuk Dan Membincangkan Masalah Dengan Pihak Yang Berkemahiran

Golongan ibu tunggal seharusnya merujuk dan membincangkan masalah-masalah yang mereka hadapi dalam perniagaan dengan pihak-pihak yang berkemahiran seperti MARA, FAMA, MARDI, MEDEC atau persatuan peniaga melalui saluran yang betul. Ini kerana pihak-pihak tersebut mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas tentang selok-belok perniagaan. Melalui cara ini, golongan ibu tunggal dapat mencari penyelesaian dengan mengetahui sebab-sebab kewujudan masalah tersebut dan langkah-langkah penyelesaian yang perlu diambil.

Golongan ibu tunggal perlu mengetahui pihak yang manakah harus dirujuk bagi setiap masalah yang dihadapi dari semasa ke semasa supaya mereka mendapat maklumat terkini berkaitan dunia perniagaan dan pelbagai skim bantuan yang disediakan oleh kerajaan misalnya masalah berkaitan industri asas tani boleh dirujuk kepada Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, FAMA, MARDI. Masalah berkaitan kualiti produk dirujuk kepada SIRIM, yang berkaitan dengan produktiviti dirujuk kepada Perbadanan Produktiviti Negara (NPC), usaha menembusi pasaran antarabangsa dirujuk kepada MITI, MATRADE, masalah berkaitan modal dan pembiayaan dirujuk kepada Bank Pertanian, Bank Pembangunan, PUNB, MARA, MDC, Bank Industri. Masalah perniagaan yang dihadapi tidak boleh disorok dan dibiarkan begitu sahaja kerana akhirnya akan membawa kepada kepincangan pengurusan dan kegagalan dalam bidang yang diceburi. Justeru dengan merujuk dan berbincang dengan agensi kerajaan yang terlibat sedikit sebanyak dapat membantu mereka menyelesaikan masalah tersebut terutama jika ianya masih di peringkat awal. Kerajaan sememangnya ingin membantu rakyat di negara ini yang berhasrat membangunkan ekonominya menerusi penglibatan dalam dunia perniagaan, maka peluang dan kemudahan yang disediakan harus digunakan sepenuhnya

terutama di kalangan usahawan ibu tunggal yang kadang kala ibarat anak ayam kehilangan ibunya apabila berhadapan dengan sesuatu masalah dalam bidang perniagaan yang diceburi.

6.3 Persatuan Dan Pertubuhan

6.3.1 Menyediakan Kemudahan Latihan Dan Bimbingan

Persatuan dan pertubuhan yang terlibat hendaklah menyediakan kemudahan latihan dan bimbingan kepada semua anggotanya tanpa mengira saiz dan kedudukan kewangan perniagaan mereka. Semua anggota yang berdaftar hendaklah menerima faedah yang sama rata dan diberi perhatian yang sewajarnya terutama sekali mereka yang baru menceburkan diri dalam dunia perniagaan. Usahawan ibu tunggal perlu diberi latihan dan pendedahan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan keusahawanan dan perniagaan yang lebih besar seperti bidang pemasaran, pembangunan produk, kawalan mutu, pengurusan perniagaan, teknik memasuki tender-tender kerajaan, pengurusan kewangan, cara-cara memohon lesen, cara-cara membuat permohonan pinjaman, motivasi dan sebagainya.

Jika persatuan yang menaungi ibu-ibu tunggal di setiap negeri atau di peringkat kebangsaan tidak mempunyai kemahiran di kalangan anggotanya untuk memberikan kursus atau latihan kemahiran yang diperlukan maka mereka boleh membuat program kerjasama dengan mana-mana agensi profesional yang berkaitan seperti Majlis Pembangunan Sumber Manusia (HRDC), Multimedia Development Corporation (MDC), British-Malaysia Institute. Dengan cara mengadakan program latihan secara usaha sama ini dapat mengurangkan kos

pengurusan yang terpaksa ditanggung oleh Persatuan Ibu-ibu Tunggal yang terlibat dan masalah inilah kebiasaannya menjadi halangan utama mereka untuk mengendalikan sesuatu kursus yang memerlukan penglibatan ramai ahli persatuan untuk hadir.

6.3.2 Memantau Perkembangan Dan Kemajuan Perniagaan Anggota

Pihak persatuan atau pertubuhan juga hendaklah sentiasa mengikuti perkembangan dan kemajuan perniagaan anggota-anggotanya dan mengenal pasti masalah-masalah yang mereka hadapi dalam perniagaan. Setelah mengenal pasti masalah-masalah dan kelemahan yang wujud dalam perniagaan anggota-anggotanya, satu analisis tentang bentuk program latihan dan bantuan perlu dijalankan. Ini bagi memastikan setiap usahawan menerima latihan dan bantuan yang sewajarnya dan seterusnya dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan lebih berkesan. Pemantauan ini perlu dilaksanakan setiap masa untuk memastikan setiap perniagaan yang dikendalikan oleh usahawan ibu tunggal berjalan mengikut perancangan, segala maklumat yang berkaitan dapat disalurkan, masalah mereka dapat dikenal pasti, bantuan teknikal, kewangan dapat sampai ke kumpulan sasaran dengan jayanya.

Kebanyakan kelemahan persatuan bukan setakat persatuan ibu tunggal di negara ini ialah kelemahan dari segi pemantauan aktiviti ahli yang bernaung di bawah persatuan tersebut sehingga sukar untuk mengumpulkan maklumat aktiviti yang dijalankan dan jauh sekali daripada dapat menjalankan penilaian keberkesanan atau kelemahan aktiviti tersebut. Mereka boleh melantik wakil bagi setiap kawasan atau daerah untuk sentiasa mendampingi ibu-ibu

tunggal terutama bagi mereka yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan. Struktur organisasi yang lengkap dan kekerapan pemantauan di kalangan ahli persatuan adalah mustahak bagi menjamin peranan dan fungsi persatuan berada di atas landasan yang sepatutnya.

6.3.3 Perkongsian Bijak

Satu program yang berbentuk perkongsian bijak hendaklah diwujudkan di dalam persatuan atau pertubuhan. Program ini bertujuan membina hubungan yang lebih erat di kalangan anggota dan membolehkan mereka berkongsi dan bertukar-tukar pendapat serta pengalaman sesama mereka. Selain itu, melalui program ini juga anggota yang baru berpeluang mendapatkan nasihat tentang perniagaan daripada anggota yang terlebih dahulu menceburi bidang perniagaan. Persatuan boleh mengumpulkan ahli yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan hari ini bukanlah sesuatu yang sukar menemui ibu tunggal yang terlibat dalam bidang profesional seperti peguam, akauntan, doktor, arkitek, kaunselor dan sebagainya. Ada di kalangan mereka yang terlibat dalam bidang keusahawanan dan ramai juga yang masih bekerja dengan organisasi kerajaan atau swasta. Ilmu dan kepakaran mereka boleh dikongsi bersama di kalangan ahli persatuan jika pihak pengurusan persatuan bijak mengaturkan program yang dapat menemukan ramai ibu tunggal dalam majlis yang rasmi atau tidak rasmi.

Menerusi program ini boleh diadakan seminar, bengkel, latihan yang memberi peluang profesional ibu tunggal membantu ahli-ahli yang lain yang kurang pengetahuan atau pendedahan maklumat yang diperlukan dalam sesuatu bidang. Contohnya seorang peguam

ibu tunggal boleh memberikan khidmat nasihat kepada usahawan ibu tunggal mengenai pelbagai akta yang berkaitan dengan pendaftaran pertubuhan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kumpulan wang simpanan pekerja, pertubuhan keselamatan pekerja yang menjadi input berguna kepada mereka dalam melakukan pengurusan berhemah. Ini juga merupakan salah satu contoh perkongsian bijak yang boleh dilakukan oleh persatuan ibu tunggal. Banyak manfaat boleh diambil jika kemahiran, pengalaman, pengetahuan yang ada di kalangan ahli persatuan dikongsi bersama menerusi wadah yang disertai oleh mereka.

6.3.4 Mewujudkan Program Mentor-Mentee

Ia merupakan satu program yang diwujudkan bertujuan untuk membantu ahli-ahli yang baru terlibat dan baru berjinak-jinak dengan aktiviti keusahawanan. Melalui program ini, ahli lama yang telah mencapai kejayaan dalam perniagaannya dikehendaki membantu ahli baru yang berada dalam bidang perniagaan yang sama dengannya. Mereka-mereka yang telah berjaya ini dapat memberikan tunjuk ajar secara langsung terutama dalam aspek memahami kehendak dan keperluan pasaran, memahami pasaran yang berpotensi, memahami pesaing-pesaing yang ada serta bagaimana caranya untuk mendapatkan bahan mentah / bekalan pada harga yang paling rendah supaya produk dapat ditawarkan kepada pengguna pada harga yang rendah. Berdasarkan kajian ini, aspek-aspek yang disebutkan di atas merupakan aspek-aspek yang kurang difahami dan diterokai oleh kebanyakan usahawan ibu tunggal sehingga ia menjadi antara faktor penyebab yang menyumbang kepada kegagalan dalam mengendalikan perniagaan.

Islam turut menganjurkan penganutnya supaya membantu antara satu sama lain.

Dalam Surah Al-Qasas ayat 77, Allah telah berfirman yang bermaksud :

“Dan carilah, dengan apa (kekayaan) yang telah Allah kurniakan kepada kamu, negeri (kehidupan) akhirat, dan janganlah kamu lupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi, dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepada kamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan”

Ayat ini ada menyentuh tentang sifat saling bantu-membantu antara satu sama lain dan sifat ini adalah sebagai satu tanda bahawa mereka ini (golongan yang telah berjaya) bersyukur atas kejayaan dalam perniagaan yang telah Allah kurniakan ke atas mereka. Sekiranya setiap individu bumiputera muslim yang menceburi bidang keusahawanan ini mempunyai satu sikap yang sebegini, pastinya semua usahawan-usahawan bumiputera yang menceburi bidang keusahawanan ini mampu berjaya setanding dengan usahawan kaum lain.

6.4 Pihak Kerajaan Dan Swasta Serta Agensi-agensi Yang Terlibat

6.4.1 Menggiatkan Usaha Untuk Membantu Usahawan Ibu Tunggal

Pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Pembangunan Wanita disaran agar menggiatkan lagi usaha dan mencari formula terbaik untuk membantu golongan ibu tunggal khususnya kaum Bumiputera yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan. Pelbagai bentuk bantuan seperti bantuan latihan dan bimbingan, motivasi dan modal perlu diberikan agar mereka mampu bersaing dengan kaum bukan Bumiputera yang telah lama bertapak dalam perniagaan. Langkah paling penting dan utama perlu dilakukan oleh kerajaan untuk membantu usahawan ibu tunggal ialah dengan membuat bancian bilangan mereka yang benar-benar berstatus ibu tunggal dan bilangan mereka yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan di seluruh negara.

Maklumat ini penting kerana hasil kajian mendapati kebanyakan agensi kerajaan yang terlibat tidak mengetahui berapakah bilangan sebenar mereka yang menjadi ibu tunggal dalam sesebuah negeri atau daerah dan berapa pula yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan. Sudah tentu dengan kecanggihan sistem pengurusan hari ini dengan teknologi maklumat dan komunikasi dan pelbagai agensi kerajaan yang diwujudkan sepatutnya maklumat sedemikian telah pun ada sebagai rujukan pelbagai pihak yang berhasrat mengkaji atau membantu golongan ibu tunggal. Jika maklumat sedemikian gagal disediakan bagaimana pula mereka boleh mengenal pasti masalah ibu tunggal yang terlibat dalam bidang keusahawanan dan bantuan yang sepatutnya hendak disalurkan kepada siapa? Sudah sampai masanya tindakan proaktif di kalangan agensi kerajaan dilakukan di samping pelbagai slogan bombastik yang sering diwar-warkan kebelakangan ini.

6.4.2 Pemberian Insentif

Pihak kerajaan perlu memberi insentif seperti insentif cukai, kewangan dan fizikal kepada usahawan ibu tunggal sebagai usaha untuk membantu dan menggalakkan penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan. Melalui kaedah ini, jumlah usahawan khususnya ibu tunggal yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan di negara ini dapat ditingkatkan. Ibu tunggal juga perlu diberikan keutamaan untuk mendapatkan pinjaman dan kemudahan kredit dari institusi-institusi kewangan agar mereka dapat memulakan perniagaan serta untuk tujuan pembesaran dan pengembangan perniagaan bagi mereka yang telah berniaga.

Usahawan ibu tunggal juga perlu diberi peluang perniagaan yang lebih luas dalam industri makanan dan kraf tangan seperti memberi kontrak pembekalan makanan, barang-barang cenderamata dan kraf tangan dan sebagainya bagi membolehkan mereka mendapat peluang yang sama seperti orang lain dalam bidang keusahawanan. Usahawan ibu tunggal juga perlu digalakkan dalam perusahaan mikro, perniagaan kecil dan sederhana serta koperatif. Kerajaan juga sepatutnya memikirkan teknik yang boleh digunakan untuk melonggarkan syarat-syarat ketat pinjaman di kalangan institusi kewangan yang kadang kala mempunyai pelbagai skim pinjaman tetapi begitu kedekut untuk meluluskannya. Pelbagai syarat dikenakan seperti cagaran ke atas pinjaman, pengalaman dalam bidang perniagaan yang diceburi, dokumentasi yang lengkap, premis perniagaan dan sebagainya yang sering menjadi penghalang dan peluntur semangat di kalangan usahawan ibu tunggal yang berhasrat mengembangkan perniagaan mereka atau meminggirkan terus ibu tunggal yang bercita-cita memulakan sesuatu jenis perniagaan akibat kerenah birokrasi pengurusan kewangan sebegini.

Sudah sampai masanya golongan ibu tunggal dibantu sepenuhnya oleh kerajaan dan swasta kerana mereka juga mempunyai pelbagai kelemahan dan terpaksa berdikari setelah kehilangan suami sebagai tempat berteduh dan mempunyai anak untuk ditanggung. Jika insentif yang disediakan tidak dapat disalurkan kepada golongan ibu tunggal maka sudah pasti usaha membantu mereka berdikari akan gagal dan kemungkinan masalah sosial lain pula akan wujud.

6.4.3 Analisis Keperluan Latihan

Pihak kerajaan dan swasta yang terlibat seharusnya membuat satu analisis terlebih dahulu bagi menentukan jenis dan bentuk latihan yang benar-benar diperlukan oleh golongan usahawan ibu tunggal. Ini penting kerana jika usahawan ibu tunggal tidak diberikan latihan mengikut keperluan dan kesesuaian, maka latihan tersebut tidak akan mendatangkan sebarang kesan yang positif apatah lagi membantu mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Dalam aspek yang lain, ia juga turut mengakibatkan pembaziran dari segi kewangan, masa dan tenaga.

Satu kajian analisis keperluan latihan di kalangan ibu tunggal dan di kalangan usahawan ibu tunggal perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti keperluan mendesak yang dihadapi oleh ibu tunggal di negara ini bagi meneruskan hidup dalam bidang yang diceburi. Kajian di peringkat negeri atau kebangsaan perlu dilakukan kerana masalah yang dihadapi oleh mereka berbeza mengikut kawasan dan masa dan latar belakang. Tanpa kajian yang menyeluruh ini, amat sukar membuat satu generalisasi yang boleh diadaptasikan kepada

semua golongan ibu tunggal di negara ini. Kepelbagaian sektor ekonomi yang diceburi seperti pertanian, penternakan, perniagaan, kraf tangan, pelancongan sebenarnya memerlukan analisis keperluan latihan yang berbeza dan ianya mesti dimulakan daripada sekarang.

6.5 Rumusan

Sebagai rumusannya, satu pendekatan yang lebih komprehensif perlu dirangka bagi membantu dan memantau aktiviti keusahawanan di kalangan ibu tunggal. Berdasarkan hasil analisis yang telah dikemukakan, didapati bahawa penglibatan golongan ibu tunggal dalam bidang perniagaan adalah tinggi. Namun ianya hanya terbatas kepada perniagaan secara kecil-kecilan. Mereka menceburi bidang perniagaan semata-mata kerana ingin mendapatkan pendapatan untuk menyara kehidupan atau pun sebagai pendapatan sampingan untuk meningkatkan taraf hidup selepas kematian atau berpisah dengan suami.

Dengan majoriti responden memulakan perniagaan menggunakan wang simpanan sendiri, menunjukkan golongan ibu tunggal di negeri Johor seolah-olah tidak mengetahui tentang kemudahan yang boleh mereka perolehi untuk memulakan perniagaan dan mengembangkan perniagaan. Mereka juga mungkin tidak mengetahui saluran yang betul untuk membolehkan mereka mendapatkan pinjaman sama ada untuk memulakan perniagaan ataupun untuk mengembangkan perniagaan. Selain itu, mereka juga mungkin menghadapi kesukaran dalam mendapatkan pinjaman tersebut disebabkan prosedur yang agak ketat di samping tempoh untuk mendapatkan kelulusan yang agak lama.

Namun pada hakikatnya golongan usahawan ibu tunggal memang memerlukan kemudahan pinjaman dan ini terbukti melalui kajian yang telah dijalankan oleh Ermi Shah et. al (2001). Melalui kajian tersebut didapati bahawa kebanyakan responden hanya mampu mengeluarkan setengah daripada jumlah modal yang diperlukan. Ianya merupakan wang simpanan sendiri atau ahli keluarga serta perkongsian modal dengan saudara atau rakan-rakan. Ini menunjukkan bantuan pinjaman tunai adalah sangat penting kepada responden.

Selain pinjaman kewangan, khidmat latihan dan nasihat juga amat perlu kepada golongan ibu tunggal. Ini kerana dengan adanya latihan yang betul dan mencukupi, pengetahuan dan kemahiran ibu tunggal dalam bidang keusahawanan dapat ditingkatkan dan seterusnya menjadikan mereka lebih berdaya saing dalam pasaran perniagaan yang semakin global dan mencabar.

BIBLIOGRAFI

Ab. Aziz Yusof (2000). "Usahawan Dan Pengukuhan Jaringan Rakan Niaga". Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Abdul Nasir b. Daud (1999). "Faktor-faktor Kemampuan Usahawan Kecil Bumiputera Dalam Mengembangkan Perniagaannya Di Pekan Pagoh. Satu Tinjauan." Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

Andaya, L.Y (1987). "Kerajaan Johor 1641-1728". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmungi Mohd Sidek (1995). "Punca Terjadi : Ibu Tunggal dan Cara-cara Mengatasi." Kertas Kerja yang Dibentangkan Dalam Seminar Ibu Tunggal Kebangsaan 1995.

Barjoyai Bardai (2000). "Keusahawanan dan Perniagaan – Bahagian 1." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Berita Harian. 4 April 2002.

Berita Harian. 4 April 2003.

Carter, S. (2000). "Improving The Numbers And Performance Of Women-owned Businesses : Some Implications For Training And Advisory Services." *Education And Training Review*. **42**. 326-334.

Corman, J. dan Lussier, R. N. (2001). "Entrepreneurial New Ventures." Australia : Dame / Thomson Learning.

Dolinger, M. J (1995). "Entrepreneurship – Strategies & Resources." USA : Library Congress Cataloging In Publication Data.

Ermi Shah b. Ramli, Mohd Nizar b. Sawit, Puvaneswaran Suderam dan Sarojah Krishnan @ Kaliyanaraman (2001). "Keberkesanan Program Bantuan Pinjaman Yang Disediakan Oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur (M) Berhad Dalam Mengatasi Masalah Pengurusan Modal Kerja: Satu Tinjauan di Kalangan Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana Bumiputera di Sekitar Johor Bahru." Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

Grondin dan Grondin (1994). "The Export Orietation of Canadian female Entrepreneurs in New Brunswick." *Women in Management Review*. **9**. 20-30.

Hamidin b. Md. Nor (1999). "Kajian Mengenai Faktor-faktor Kejayaan Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana Bumiputera Dalam Pemprosesan Makanan Di Negeri Johor (Mengkaji Kecekapan Pengurusan Organisasi Industri Kecil)." Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

Hasan b. Kasmuri (1997). "Satu Tinjauan Terhadap Kualiti Asas Keusahawanan di Kalangan Peniaga Pasar Malam di Bandar Pontian." Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

Hisrich, Robert, D., Ozturk dan Sevgi Ayse (1999). "Women Entrepreneurs In A Developing Economy." *Journal of Management Development*. **18**. 114 .

<http://tlkm2001.tripod.com/lpk/sem1tjk3.htm>

<http://www.quickmba.com/entre/definition/>

<http://www.kpwk.gov.my/mal/showstatistik.pl?action=display&id=1046010990>

<http://www.statistics.gov.my/Bahasa/mediademo.htm>

<http://www.smidec.gov.my/malay>

<http://www.yayasanwanita.org/isikandungan.html>

<http://www.miti.gov.my/ucapan141.htm>

<http://www.ypkdt.gov.my>

Humam Hj. Muhamed (1992). "Keusahawanan Di Malaysia : Asas Keusahawanan." Shah Alam : Pusat Pembangunan Usahawan (MEDEC), Institut Teknologi Malaysia.

Kamar Ainiah Kamaruzzaman (1995). "Undang-undang dan Pelaksanaan di Dalam Mengatasi Masalah yang Dihadapi oleh Ibu Tunggal." Seminar Kebangsaan Ibu Tunggal 1995.

Khairuddin Khalil (1996). "International Management." Upper Saddle River, N. J : Prentice - Hall.

Kuehl, C. R dan Lambing, P. (2000). "Entrepreneurship." Edisi Ketiga. Upper Saddle River, New Jersey : Prentice-Hall.

Lee, J. (1997). "The Motivation of Women Entrepreneurs In Singapore." *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*. 3. 93 – 110.

Likert, L. R. (1976). "The human Organization." New York: McGraw Hill.

Lounsbury, M. dan Glynn, M. A. (2001). "Cultural Entrepreneurship : Stories, Legitimacy, And The Acquisition Of Resource." *Journal Of Management*. 22. 545-564.

Manimala, M.J. (1999). "Entrepreneurial Policies and Strategies." India : Sage Publications.

McKay, R. (2001). "Women Entrepreneurs: Moving Beyond Family and Flexibility." *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*. 7. 148 – 165.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Majid Konting (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Morrisson, A. (2000). "Entrepreneurship : What Triggers It?." *International Journal of Entrepreneurial Behavior and Research*. 6. 59.

Noor Aishah Buang (2002). "Asas Keusahawanan." Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Noorzila Jamaludin (1997). "Hak-hak Janda dalam Islam." Majalah Al-Islam. Ogos : 6-7.

Nor Affizar Ibrahim (2002). "Persatuan Ibu Tunggal Galak Ahli Berdikari." Berita Harian. 4 April.

Nordin Abdul Malek (2001). "Faktor Kejayaan – Modal Keusahawanan." Usahawan Sukses. Mac – April : 56-57.

Norsidah bt. Ahmad (1999). "Kajian Mengenai Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan Usahawan-usahawan Wanita Melayu Di Lembah Kelang." Universiti Kebangsaan Malaysia : Projek Sarjana Muda.

Nurulwahida bt. Azid@Aziz (2000). "Faktor-faktor Yang Membantu Usahawan di Pekan Rabu Menghadapi Persaingan Dalam Perniagaan." Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.

Oliver, C. (1997). "Sustainable Competitive Advantage: Combining Institutional and Resource-based Views." *Strategic Management Journal*. **18**. 697 – 713.

Orhan, M. dan Scott, D. (2001). "Why Women Enter Into Entrepreneurship: An Explanatory Model." *Women In Management Review*. **16**. 232 – 247.

Profesor Dr. Datin Rohaty Mohd Majzud dan Muhammad Rais Abd. Karim (1999). "Ibu Tunggal Menelusuri Rintangan Hidup Dengan Keyakinan." Selangor : Pelanduk Publications.

Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK – 7) (1996 – 2001), Jabatan Penerangan Malaysia.

Rancangan Malaysia Kelapan (RMK – 8) (2001 – 2005), Jabatan Penerangan Malaysia.

Raziana bt. Salleh (1999). "Peranan MARA Dalam Membantu Menjayakan Usahawan Industri Kecil Bumiputera di Johor Bahru: Kajian Ke Atas Skim Pembiayaan Am." Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

Ringkasan Perangkaan Penting Mengikut Negeri, Malaysia 2000. Jabatan Perangkaan Malaysia, November 2001.

Rohaizat Baharun (2000). "Kejayaan Para Usahawan Daripada Perspektif Penyelidikan."

Dewan Ekonomi, Januari.

Salmah bt. Hj. Yaacob (2003). "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Usahawan Bumiputera

Mengembangkan Perniagaan di Bandar Seremban, Negeri Sembilan." Universiti

Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.

Siropolis, N. C. (1982). "Small Business Management – A Guide To Entrepreneurship." Ed. Ke

– 2. Massachusetts, USA : Houghton Mifflin Company.

Siti Norbayah bt. Md. Saad (1997). "Kemampuan Usahawan Wanita Bumiputera Berniaga di

Bandar Alor Setar." Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda.

Sufean Hussin dan Che Zainon Omar (2002). "Masalah Remaja Daripada Keluarga Ibu

Tunggal." Kuala Lumpur : Karisma Publications Sdn. Bhd.

Teal, E. J. dan Carrol, A. B. (1999). "Moral Reasoning Skills: Are Entrepreneurs Different?"

Journal of Business Ethics. **19**. 229 – 240.

Tee Kee Pei (2000). "Kajian Penerokaan Terhadap Faktor Yang Mendorong Wanita Menceburi

Dalam Bidang Keusahawanan." Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana.

Usahawan Sukses (Julai – Ogos 2001). "Sistem Francais : Produk Tempatan Belum Berdaya

Saing."

Usahawan Sukses (Mei – Jun 2000). "Usahawan Melayu Sanggup Hadapi Perubahan Struktur Ekonomi."

Utusan Malaysia. 7 Ogos 2000.

Wan Halim Wan Othman (1995). "Fenomena Ibu Tunggal Dalam Masyarakat : Ciri-ciri dan Cara Mengatasi." Kertas Kerja yang Dibentangkan Di Seminar Ibu Tunggal Kebangsaan 1995.

YB Daim Zainuddin. Menteri Kewangan Malaysia. Ucapan Belanjawan 2000. 29 Oktober 1999.

YB Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil. Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga. Teks Ucapan Majlis Pelancaran Hari Wanita pada 25 Ogos 2002.

Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (1997). "Keusahawanan dan Motivasi Diri." Serdang : Penerbit UPM.

Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu (2003). "Analisis Data Berkomputer : SPSS 11.5 For Windows." Kuala Lumpur : Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.

Zimmerer, W. T dan Sacrborough, N.M. (1998). "Essential of Entrepreneurship and Small Business Management." New Jersey : Prentice Hall.

Zuraini bt. Zakaria (2000). "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kemampuan Usahawan Bumiputera di Kawasan Sungai Petani, Kedah Dalam Memajukan Perniagaan Mereka." Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.

LAMPIRAN A**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA***Borang Soal Selidik*

Tajuk Kajian :
Aktiviti Keusahawanan Di Kalangan Ibu Tunggal
Di Negeri Johor

Disediakan oleh :
Thuaibah @ Suaibah Binti Abu Bakar
Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia

Perhatian :

Borang soal selidik ini hanya dikemukakan untuk tujuan kajian semata-mata. Oleh yang demikian anda diminta untuk menjawabnya dengan jujur serta ikhlas. Kerjasama daripada anda amat diperlukan dan didahului dengan jutaan terima kasih.

BORANG SOAL SELIDIK INI TERDIRI DARIPADA 14 MUKA SURAT SAHAJA (TERMASUK MUKA SURAT INI)

BAHAGIAN A (Maklumat Peribadi)

Arahan : Sila tandakan (/) pada satu pilihan jawapan sahaja. Semua maklumat individu adalah sulit. Kerjasama Tuan/Puan amatlah dihargai.

1. Umur

 20 tahun dan ke bawah 21 – 30 tahun 31 – 40 tahun 41 – 50 tahun 51 tahun dan ke atas

2. Tahap pendidikan

 Tidak pernah bersekolah Sekolah rendah Sekolah menengah Universiti Lain-lain (Nyatakan) _____

3. Latar belakang keluarga

 Ahli-ahli keluarga adalah golongan peniaga Sebilangan kecil ahli-ahli keluarga adalah peniaga Ahli-ahli keluarga bukan peniaga

4. Bilangan anak

 Tiada 1 – 5 orang 6 – 10 orang 11 orang dan ke atas

5. Sebab-sebab menceburkan diri dalam perniagaan

- Kurang berpuas hati dengan pekerjaan terdahulu
- Sebagai punca pendapatan
- Sokongan daripada pihak kerajaan
- Sokongan keluarga
- Minat
- Sebagai kerja sampingan

6. Pekerjaan terakhir sebelum berniaga

- Tiada pekerjaan / surirumah
- Kakitangan kerajaan
- Bekerja dalam sektor swasta
- Lain-lain (Nyatakan) _____

7. Pernahkah anda menerima latihan / kursus tentang perniagaan / keusahawanan?

- Pernah Tidak pernah

8. Sebab-sebab menjadi ibu tunggal?

- Kematian Suami Bercerai

BAHAGIAN B (Maklumat Perusahaan dan Perniagaan)

Arahan : Sila tandakan (/) pada satu pilihan jawapan sahaja. Semua maklumat individu adalah sulit. Kerjasama Tuan/Puan amatlah dihargai.

1. Organisasi perniagaan / perusahaan

- Perseorangan
- Perkongsian
- Syarikat sendirian berhad
- Syarikat awam
- Syarikat kerjasama

2. Jenis perniagaan / perusahaan

- Makanan dan minuman
- Kain dan pakaian
- Kedai runcit
- Hasil pertanian, sayur-sayuran dan buah-buahan
- Perhiasan dan bunga
- Ubat-ubatan tradisional
- Kecantikan
- Jualan Langsung
- Lain-lain (Nyatakan) _____

3. Tempoh menjalankan perniagaan

- 1 tahun dan ke bawah
- 1 – 5 tahun
- 6 – 10 tahun
- 11 – 15 tahun
- 15 tahun dan ke atas

4. Umur anda semasa memulakan perniagaan
- 20 tahun dan ke bawah
- 21 – 30 tahun
- 31 – 40 tahun
- 41 – 50 tahun
- 51 tahun dan ke atas
5. Adakah anda mempunyai pengalaman dalam bidang perusahaan / perniagaan yang anda ceburi sekarang?
- Ya Tidak
6. Tempoh pengalaman dalam perusahaan / perniagaan
- 1 tahun dan ke bawah
- 1 – 3 tahun
- 4 – 6 tahun
- 7 – 9 tahun
- 10 tahun dan ke atas
7. Bilangan pekerja
- Tiada pekerja
- 1 – 2 orang
- 3 – 4 orang
- 5 – 6 orang
- 7 – 8 orang
- 9 orang dan ke atas
8. Berapakah modal anda ketika mula berniaga?
- RM 1000 dan ke bawah
- RM 1001 – RM 5000
- RM 5001 – RM 10 000
- RM 10 001 – RM 50 000
- RM 50 001 dan ke atas

9. Dari manakah sumber modal anda?

- Simpanan sendiri
- Pinjaman daripada keluarga
- Pinjaman daripada kawan-kawan
- Harta warisan
- Pinjaman daripada institusi / persatuan
(Nyatakan) _____

* Pinjaman boleh meliputi seperti MARA, bank, persatuan peniaga dan lain-lain.

10. Berapakah pendapatan bersih anda sebulan?

- RM 500 dan ke bawah
- RM 501 – RM 1000
- RM 1001 – RM 1500
- RM 1501 – RM 2000
- RM 2001 dan ke atas

11. Siapakah yang mengendalikan kira-kira / akaun?

- Sendiri
- Kerani
- Jurukira yang berpengalaman
- Tiada
- Lain-lain (Nyatakan) _____

12. Adakah anda mendapat apa-apa perkhidmatan nasihat / pertolongan penyelenggaraan daripada mana-mana pihak?

- Tidak menerima apa-apa nasihat / pertolongan
- Ibu bapa / keluarga
- Kementerian Pembangunan Usahawan
- MARA
- Lain-lain (Nyatakan) _____

13. Berapakah purata masa yang digunakan untuk berniaga sehari?

5 jam dan ke bawah

6 jam – 10 jam

11 jam – 15 jam

16 jam dan ke atas

BAHAGIAN C (Faktor-faktor penglibatan)

Arahan : Untuk Bahagian C, sila bulatkan pada nombor yang disediakan untuk setiap pernyataan. Anda dikehendaki membulatkan hanya pada SATU nombor sahaja untuk satu pernyataan.

Untuk setiap kenyataan berikut, nyatakan sejauh mana anda bersetuju dengan kenyataan itu dengan memilih satu nombor dari 1 hingga 5. Lebih tinggi nombor yang anda pilih, lebih tinggi persetujuan anda terhadap kenyataan tersebut. Sila jawab pernyataan-pernyataan berikut secara jujur dan tepat. Gunakan skala berikut untuk menyatakan sejauh mana anda bersetuju dengan setiap kenyataan yang diberikan.

- 1 – Sangat Tidak Bersetuju (STB)**
- 2 – Tidak Bersetuju (TB)**
- 3 – Kurang Bersetuju (KB)**
- 4 – Setuju (S)**
- 5 – Sangat Bersetuju (SB)**

Contoh:

Minat merupakan faktor utama yang mendorong 1 2 3 4 5 penglibatan saya dalam perniagaan.

Pada pandangan anda apakah faktor-faktor yang mendorong anda menceburi bidang perniagaan?

Bil.	Elemen	STB	TB	KB	S	SB
1.	Saya menerima galakan daripada keluarga dan rakan-rakan.	1	2	3	4	5
2.	Saya menceburi bidang perniagaan kerana desakan hidup	1	2	3	4	5
3.	Galakan kerajaan mendorong saya melibatkan diri dalam perniagaan	1	2	3	4	5
4.	Saya melibatkan diri dalam bidang perniagaan kerana ia merupakan warisan keluarga	1	2	3	4	5
5.	Pendedahan dalam bidang perniagaan mendorong saya melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan	1	2	3	4	5
6.	Modal yang mencukupi menyebabkan saya melibatkan diri dalam bidang perniagaan	1	2	3	4	5
7.	Minat yang mendalam mendorong saya menceburkan diri dalam bidang perniagaan	1	2	3	4	5
8.	Saya menceburi bidang perniagaan kerana mempunyai pengalaman yang mencukupi	1	2	3	4	5
9.	Saya menceburi bidang perniagaan	1	2	3	4	5

	kerana ingin berdikari					
10	Saya mempunyai kemahiran dalam bidang perniagaan	1	2	3	4	5
11	Saya mempunyai pengetahuan dalam bidang perniagaan	1	2	3	4	5
12	Penglibatan saya dalam bidang perniagaan adalah untuk mendapatkan wang yang lebih	1	2	3	4	5
13	Saya menceburi bidang perniagaan kerana ingin mencapai cita-cita saya	1	2	3	4	5
14	Saya melibatkan diri dalam bidang perniagaan kerana ingin menjadi bos/ tuan	1	2	3	4	5
15	Saya berpendapat berniaga merupakan satu pekerjaan yang terjamin	1	2	3	4	5
16	Saya menceburi bidang perniagaan kerana ingin mendapatkan tabungan dan simpanan yang tinggi	1	2	3	4	5
17	Penglibatan saya dalam biddang perniagaan adalah untuk menanggung keluarga	1	2	3	4	5
18	Saya menceburi bidang perniagaan kerana rangsangan daripada penglibatan orang lain	1	2	3	4	5
19	Saya menceburi bidang perniagaan kerana ingin menikmati cara hidup mewah	1	2	3	4	5
20	Saya menceburi bidang perniagaan kerana ia membolehkan saya memperuntukkan lebih banyak masa untuk diri sendiri dan keluarga	1	2	3	4	5
21	Saya menceburi bidang perniagaan kerana gagal memperolehi pekerjaan yang sesuai dengan diri saya	1	2	3	4	5

BAHAGIAN D (Faktor-faktor Kejayaan)

Arahan : Untuk Bahagian D sila bulatkan pada nombor yang disediakan untuk setiap pernyataan. Anda dikehendaki membulatkan hanya pada SATU nombor sahaja untuk satu pernyataan.

Berikut adalah senarai faktor-faktor yang membantu kejayaan wanita dalam bidang keusahawanan. Sila teliti dan nyatakan sejauh mana anda bersetuju bahawa faktor-faktor yang disenaraikan di bawah mempengaruhi kejayaan wanita dalam bidang keusahawanan. Lebih tinggi nombor yang anda pilih, lebih tinggi persetujuan anda terhadap kenyataan tersebut. Sila jawab pernyataan-pernyataan berikut secara jujur dan tepat. Gunakan skala berikut untuk menyatakan sejauh mana anda bersetuju dengan setiap kenyataan yang diberikan.

- 1 – Sangat Tidak Bersetuju (STB)**
- 2 – Tidak Bersetuju (TB)**
- 3 – Kurang Bersetuju (KB)**
- 4 – Setuju (S)**
- 5 – Sangat Bersetuju (SB)**

Contoh:

Minat merupakan faktor utama yang mendorong 1 2 3 4 5
 penglibatan saya dalam perniagaan.

Bil.		STB	TB	KB	S	SB
1.	Saya tidak pernah menghadiri sebarang latihan.	1	2	3	4	5
2.	Saya memiliki pengetahuan berkaitan bidang perniagaan.	1	2	3	4	5
3.	Saya sering membaca tentang topik perniagaan dan keusahawanan.	1	2	3	4	5
4.	Saya selalu menghadiri kursus berkaitan dengan cara untuk mencapai kejayaan.	1	2	3	4	5
5.	Kelulusan saya sesuai dengan bidang ini	1	2	3	4	5
6.	Kedudukan premis yang strategik amat diperlukan untuk berniaga.	1	2	3	4	5
7.	Promosi amat penting dalam perniagaan.	1	2	3	4	5
8.	Perkhidmatan yang disediakan mestilah cepat dan berkualiti.	1	2	3	4	5
9.	Susun atur dalam premis mesti kemas dan menarik.	1	2	3	4	5
10.	Layanan mesra terhadap pelanggan amat penting dalam perniagaan.	1	2	3	4	5
11.	Motivasi diri yang tinggi mendorong	1	2	3	4	5

	kejayaan saya dalam perniagaan					
12.	Keluarga saya menjadi pendorong utama.	1	2	3	4	5
13.	Rakan-rakan sering memberi bimbingan dan nasihat.	1	2	3	4	5
14.	Anak-anak menjadi sumber inspirasi saya.	1	2	3	4	5
15.	Persaingan dalam perniagaan menjadikan saya lebih bersemangat.	1	2	3	4	5
16.	Sentiasa berfikiran positif dalam menghadapi cabaran dan tekanan dalam perniagaan.	1	2	3	4	5
17.	Sentiasa kuat berusaha, tekun dan mempunyai azam yang kuat.	1	2	3	4	5
18.	Berfikiran terbuka terhadap setiap cadangan, teguran dan kritikan yang diterima.	1	2	3	4	5
19.	Bertanggungjawab dan amanah terhadap diri sendiri, perniagaan dan pelanggan.	1	2	3	4	5
20.	Semasa berniaga saya bersedia untuk bertolak ansur.	1	2	3	4	5

BAHAGIAN E (Faktor-faktor Kegagalan)

Arahan : Untuk Bahagian E sila bulatkan pada nombor yang disediakan untuk setiap pernyataan. Anda dikehendaki membulatkan hanya pada SATU nombor sahaja untuk satu pernyataan.

Berikut adalah senarai faktor-faktor yang mempengaruhi kegagalan wanita dalam bidang keusahawanan. Sila teliti dan nyatakan sejauh mana anda bersetuju bahawa faktor-faktor yang disenaraikan di bawah mempengaruhi kegagalan wanita dalam bidang keusahawanan. Lebih tinggi nombor yang anda pilih, lebih tinggi persetujuan anda terhadap kenyataan tersebut. Sila jawab pernyataan-pernyataan berikut secara jujur dan tepat. Gunakan skala berikut untuk menyatakan sejauh mana anda bersetuju dengan setiap kenyataan yang diberikan.

- 1 – Sangat Tidak Bersetuju (STB)**
2 – Tidak Bersetuju (TB)
3 – Kurang Bersetuju (KB)
4 – Setuju (S)
5 – Sangat Bersetuju (SB)

Contoh:

Minat merupakan faktor utama yang mendorong 1 2 3 4 5
 penglibatan saya dalam perniagaan.

Bil.	Faktor-faktor Kegagalan	STB	TB	KB	S	SB
1.	Tidak mempunyai keyakinan diri dalam mengendalikan perniagaan.	1	2	3	4	5
2.	Tidak mengendalikan amalan-amalan perniagaan seperti belanjawan, kunci kira-kira dan kawalan stok dengan baik.	1	2	3	4	5
3.	Tiada kemahiran membuat keputusan dengan berkesan.	1	2	3	4	5
4.	Mudah berputus asa.	1	2	3	4	5
5.	Kurang pengetahuan tentang teknik-teknik penjualan dan pemasaran.	1	2	3	4	5
6.	Tidak dapat menimbang dan menilai peluang perniagaan yang ada.	1	2	3	4	5
7.	Tiada hubungan yang baik dengan ahli-ahli profesional seperti peguam, pengurus bank dan akauntan.	1	2	3	4	5
8.	Tidak mampu mengguna dan menggabungkan idea-idea dengan kemahiran yang ada pada sesuatu keadaan.	1	2	3	4	5

9.	Mempunyai kesedaran dan motivasi diri yang rendah.	1	2	3	4	5
10.	Tidak dapat memahami keperluan pelanggan dalam pasaran.	1	2	3	4	5
11.	Tiada kemahiran mengenal pasti, menilai dan menyelesaikan masalah.	1	2	3	4	5
12.	Tidak mendapat bimbingan daripada pihak-pihak tertentu tentang perniagaan	1	2	3	4	5
13.	Tidak mementingkan strategi perniagaan.	1	2	3	4	5
14.	Tidak dapat merancang dan menetapkan matlamat perniagaan.	1	2	3	4	5
15.	Tidak amanah dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri, perniagaan dan pelanggan.	1	2	3	4	5
16.	Tidak mengetahui tentang polisi-polisi dan peraturan-peraturan kerajaan.	1	2	3	4	5
17.	Tiada ketahanan diri untuk menghadapi cabaran perniagaan.	1	2	3	4	5
18.	Tidak bertindak terhadap cadangan dan kritikan yang diterima.	1	2	3	4	5
19.	Tiada kesungguhan, azam dan ketekunan dalam menjalankan perniagaan.	1	2	3	4	5
20.	Mempunyai persepsi negatif terhadap cabaran.	1	2	3	4	5

BAHAGIAN F (Masalah-masalah yang dihadapi semasa memulakan dan semasa mengendalikan perniagaan)

Arahan : Sila tandakan (/) pada ruang yang berkenaan.

Apakah masalah yang anda hadapi semasa memulakan perniagaan dan pada masa kini mengikut keutamaan.

Bil.	Masalah-masalah yang dihadapi	Semasa memulakan perniagaan		Sekarang	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Masalah tenaga buruh				
2.	Masalah kewangan				
3.	Masalah kekurangan modal pusingan				
4.	Masalah mendapatkan bekalan				
5.	Masalah kekurangan pengetahuan				
6.	Masalah pemasaran				
7.	Masalah mendapatkan pinjaman daripada pihak kerajaan				
8.	Masalah mendapatkan pinjaman daripada pihak swasta				
9.	Masalah pengurusan dan pentadbiran				
10.	Masalah hubungan dengan pembekal				
11.	Masalah pengeluaran				
12.	Masalah mendapatkan khidmat nasihat tentang perniagaan				
13.	Masalah hubungan dengan pelanggan				
14.	Masalah kredit daripada pembekal				
15.	Masalah pembahagian masa antara keluarga dan perniagaan				

Sekian Terima Kasih Di Atas Kerjasama Yang Diberikan

LAMPIRAN B

Hasil Analisis Kebolehpercayaan Bagi Item Faktor Penglibatan

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)				
Item-total Statistics				
	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Alpha if Item Deleted
S22	71.6000	78.9167	.4148	.7293
S23	71.2800	81.7933	.2489	.7444
S24	71.6800	78.8933	.3602	.7341
S25	72.4800	87.0100	.0479	.7608
S26	71.3600	78.3233	.5009	.7230
S27	71.8400	79.9733	.3798	.7324
S28	70.6400	81.4067	.4598	.7292
S29	71.7600	84.5233	.2358	.7432
S30	70.5600	78.8400	.6083	.7192
S31	71.4000	80.0833	.3797	.7324
S32	71.2000	80.5000	.4538	.7282
S33	70.6800	86.6433	.1911	.7454
S34	71.1600	79.7233	.4396	.7281
S35	72.3600	83.9900	.1884	.7484
S36	70.8800	87.1100	.1422	.7481
S37	71.0400	82.1233	.3829	.7335
S38	70.5600	88.0900	.0704	.7522
S39	72.0400	79.6233	.4084	.7301
S40	71.6800	82.8933	.2200	.7463
S41	70.6000	88.2500	.1142	.7486
S42	70.8000	86.0833	.1667	.7474
Reliability Coefficients				
N of Cases =	25.0		N of Items =	21
Alpha =	.7480			

Alpha Cronbach bagi item berkaitan pemboleh ubah faktor penglibatan adalah 0.7480. Oleh yang demikian, kesemua 21 item yang disenaraikan dalam bahagian ini adalah konsisten.

LAMPIRAN C

Hasil Analisis Kebolehpercayaan Bagi Item Faktor Kejayaan

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)				
Item-total Statistics				
	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Alpha if Item Deleted
S43	81.0400	57.9567	-.2872	.8447
S44	80.0400	44.8733	.4412	.7792
S45	80.0400	46.6233	.3943	.7821
S46	80.1200	44.9433	.3917	.7856
S47	80.4400	46.0067	.3347	.7910
S48	79.0000	49.0833	.5563	.7759
S49	79.0400	49.9567	.4392	.7809
S50	78.9600	50.5400	.4503	.7820
S51	79.0000	49.2500	.6293	.7751
S52	78.7600	51.4400	.4354	.7848
S53	79.0400	49.5400	.5777	.7769
S54	79.4800	45.6767	.6265	.7653
S55	80.0800	52.4100	.0819	.7989
S56	79.1200	47.6933	.5792	.7717
S57	79.2000	47.9167	.6248	.7709
S58	79.1200	50.9433	.3728	.7846
S59	78.9200	49.5767	.6135	.7764
S60	79.0400	50.1233	.4930	.7801
S61	78.9200	49.9933	.5491	.7788
S62	79.0400	49.2900	.6143	.7754
Reliability Coefficients				
N of Cases =	25.0		N of Items =	20
Alpha =	.7923			

Alpha Cronbach bagi item berkaitan pemboleh ubah faktor kejayaan adalah 0.7923. Oleh yang demikian, kesemua 20 item yang disenaraikan dalam bahagian ini adalah konsisten.

LAMPIRAN D

Hasil Analisis Kebolehpercayaan Bagi Item Faktor Kegagalan

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)				
Item-total Statistics				
	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item- Total Correlation	Alpha if Item Deleted
S63	72.6400	269.1567	.6917	.9685
S64	72.6400	269.5733	.7321	.9679
S65	72.6800	270.8933	.6783	.9686
S66	72.8400	260.8067	.8593	.9665
S67	72.7600	274.5233	.6856	.9684
S68	72.7200	270.8767	.8292	.9671
S69	73.3600	276.4900	.4918	.9708
S70	72.9200	273.6600	.8255	.9674
S71	72.8800	268.8600	.7923	.9673
S72	72.7200	271.2933	.7742	.9676
S73	72.7200	274.9600	.6882	.9684
S74	73.0000	271.9167	.8142	.9673
S75	72.8400	270.9733	.7728	.9676
S76	72.7200	269.1267	.8462	.9668
S77	73.0000	253.5833	.8449	.9671
S78	73.3600	269.0733	.7481	.9678
S79	72.9600	265.2900	.8484	.9667
S80	73.1200	262.4433	.9091	.9659
S81	72.7600	257.1900	.8354	.9670
S82	73.0400	262.1233	.8956	.9661
Reliability Coefficients				
N of Cases = 25.0		N of Items = 20		
Alpha = .9691				

Alpha Cronbach bagi item berkaitan pemboleh ubah faktor kegagalan adalah 0.9691. Oleh yang demikian, kesemua 23 item yang disenaraikan dalam bahagian ini adalah konsisten.